

Jilid II  
Bil. 32



Hari Jumaat  
12hb Oktober, 1984

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 4685]**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**  
**Kejian atas Kaum India [Ruangan 4726]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan)**  
**[Ruangan 4730]**

**Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) [Ruangan 4737]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEDUA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin)
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)

Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.  
(Balik Pulau).

- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 12hb Oktober, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

LPG AUTOGAS—  
INSENTIF KEPADA  
PENGGUNA

**1. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah insentif-insentif yang diberi oleh Kerajaan kepada pengguna-pengguna LPG autogas dan adakah cukai tokok dan cukai jualan kepada alat ubahsuai LPG (LPG Conversion Kits) akan dikecualikan supaya alat-alat ini menjadi lebih murah dan ramai orang boleh menggunakannya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak ada memberi apa-apa insentif yang istimewa untuk menggalakkan penggunaan LPG autogas. Alat ubahsuai LPG autogas pada masa ini dikenakan duti import 5% dan cukai jualan 10% *ad valorem*. Walau bagaimanapun, struktur cukai yang sedia wujud sudah ada memberi sedikit galakan terhadap penggunaan LPG di mana duti import ke atas LPG hanyalah 4.46 sen 1 kg atau 2.46 sen 1 litre berbanding dengan duti import ke atas petrol sebanyak 38.50 sen 1 litre.

DEFISIT IMBANGAN  
PEMBAYARAN NEGARA

**2. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah tertentu yang diambil setakat hari ini oleh Kementeriannya untuk menarik semua rakyat Malaysia memainkan peranannya untuk membantu mengurangi defisit imbalan pembayaran negara kita, dianggarkan pada tahun ini berjumlah \$5.8 billion, terutamanya berhubung dengan cadangannya untuk mengadakan satu kempen Kebangsaan yang bertema "Orang Malaysia, Fikir Malaysia dan Beli Malaysia". Apakah sambutan orang ramai kepada cadangan kempen dan apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil untuk memastikan kejayaan kempen itu.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memandang berat keadaan defisit dalam imbalan pembayaran yang dialami oleh negara sekarang. Saya dapati melalui analisa yang dibuat keadaan ini terjadi terutamanya kerana defisit di dalam dagangan tak ketara seperti insurans, tambang pengangkutan dan lain-lain, sedangkan dari segi imbalan dagangan barang-barang, prestasi yang telah dicapai adalah sangat baik. Menyedari akan hakikat ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dan akan mengadakan berbagai langkah untuk memperbaiki kedudukan imbalan

pembayaran negara tersebut. Kementerian saya akan menumpukan sepenuh tenaga dan menggerak segala jentera galakan eksport guna untuk meningkatkan lagi eksport keluaran Malaysia ke pasaran antarabangsa. Dengan tambahan pertukaran asing dalam dagangan barangan diharap akan dapat mengurangkan jurang defisit dalam imbalan pembayaran negara itu.

Seperti Yang Berhormat sedia ketahui sekarang terdapat banyak barang-barang buatan luar negeri diimport, sedangkan setengah daripada barang-barang tersebut ada diperbuat di Malaysia. Dalam hal ini, selain daripada tindakan pembetulan secara pentadbiran untuk menyekat kemasukan barang-barang buatan luar negeri, setiap rakyat Malaysia boleh memainkan peranan terutamanya dengan mengubah sikap supaya cenderung kepada membeli barang-barang buatan tempatan. Di sini ingin saya menegaskan bahawa golongan pengilang dan pengeluar tempatan juga mempunyai peranan, iaitu dengan mengeluarkan barang-barang bermutu setanding dengan barang-barang yang diimport. Mereka juga harus mengambil daya usaha galakan yang lebih agresif.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang membuat persediaan mengadakan "kempen" di peringkat Kebangsaan yang akan dijalankan di awal tahun hadapan. Tujuannya adalah untuk menimbulkan kesedaran dan menggalakkan golongan pengguna supaya membeli barang-barang buatan tempatan. Saya percaya ini akan mudah tercapai sekiranya para pengilang tempatan turut serta dengan mengadakan barangan yang setanding mutunya dengan barang-barang yang diimport dengan harga berpatutan.

Tentang sambutan kepada cadangan kempen tersebut, saya dapati orang ramai terutamanya para pengeluar tempatan mengalu-alukan usaha Kerajaan ini. Demi untuk menjamin kejayaan kempen ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan cuba mendapatkan penyertaan dan penglibatan semua golongan masyarakat supaya menyedari implikasi masalah imbalan pembayaran negara dan meminta semua pihak memainkan peranan masing-masing.

Selain daripada itu, sukacita saya menyatakan iaitu sebuah Jawatankuasa pelbagai Kementerian dan Jabatan telah pun ditubuhkan oleh Kerajaan. Tugas utama ialah mengenal pasti faktor-faktor dan masalah-masalah yang menyebabkan berlakunya defisit di dalam dagangan tak ketara serta membuat perakuan-perakuan untuk mengatasinya. Ini meliputi bidang-bidang kewangan, pelancongan, pelajaran, barangan utama dan pengangkutan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri memang sedar bahawa satu masalah yang dihadapi mengenai barang-barang tempatan ialah bahawa barang-barang tempatan terlalu mutu bukan sahaja tidak boleh banding dengan barangan-barangan luar negeri tetapi juga ada perlindungan (protection) oleh Kerajaan yang terlalu tinggi sehingga pengguna-pengguna di Malaysia menjadi mangsa dalam, dengan izin, captive market, supaya boleh menjayakan kempen nasional membeli barang-barang Malaysia yang patutlah dapat sokongan semua lapisan rakyat. Akankah Yang Berhormat Menteri juga mengatakan di samping itu satu kempen atau sebagai satu bahagian kempen ini untuk menurunkan taraf perlindungan (protectionism) atau tarif semua barang-barang di mana tidak menjadi faedah kepada rakyat tetapi untung

sahaja pengilang-pengilang, satu exercise yang "across the board" untuk turunkan tarif-tarif supaya barang-barang tempatan lebih competitive boleh berdiri atas kaki dan bukan sahaja berdiri atas protectionism yang sangat inefficient?

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, memang perkara ini dikaji dari semasa ke semasa supaya kilang-kilang yang diberi perlindungan oleh Kerajaan tidak mengharap sangat-sangat kepada perlindungan itu. Sebenarnya kita mengharap kilang-kilang yang pernah mendapat perlindungan tidak akan lagi selama-lamanya bergantung kepada perlindungan yang diberi oleh Kerajaan.

Perlindungan biasanya diberi untuk suatu ketika sahaja sehingga kilang-kilang itu dapat menambah keupayaan dan kecekapannya serta dapat pula berdiri di atas kaki sendiri dengan ongkos yang rendah. Tetapi malangnya banyak juga di antara kilang-kilang ini bukan sahaja telah tidak dapat menyaingi barang-barang keluaran luar negeri tetapi juga oleh kerana barangkali kita mengadakan dasar liberal untuk membenarkan dan mengizinkan barang-barang keluaran luar negeri masuk maka kadangkala terpaksa juga perlindungan itu diberi.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengkaji dan kita akan mengadakan rundingan dengan persatuan pengilang-pengilang untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sekejap tadi.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu berkenaan dengan pengimportan barang-barang kita, macam manakah kedudukannya di antara import secara FOB dan CIF oleh kerana soal insurans boleh memberi kesan juga kepada

perimbangan perdagangan kita. Tidakkah kita hendak menggalakkan supaya import ini dibuat secara FOB lebih meluas supaya perkhidmatan insurans tempatan boleh digunakan dengan lebih meluas lagi.

Kedua, berkenaan dengan kontraktor-kontraktor asing yang mendapat projek-projek besar-besaran di negara kita didapati tendency mereka menggunakan perkhidmatan negara asal mereka dan juga pembelian komponen-komponen daripada negara asal mereka itu masih lagi belum dapat kita atasi.

Tidakkah baik kita menghadapi masalah ini dan mengatasinya dengan cara-cara yang berkesan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya baiklah kalau semua para pengimport mengimport secara FOB dan semua para pengeksport mengeksport barang-barangnya secara CIF tetapi oleh kerana amalan ini telah berjalan begitu lama dan oleh kerana belum ada peraturan atau syarat-syarat ketat yang memaksa mereka ini berbuat demikian maka masih terdapat banyak juga barang-barang yang diimport bukan secara FOB. Sekarang ini kita akan menggalakkan mereka mengimport secara FOB dan galakan-galakan telah pun diperkenalkan dalam dua budget yang dahulu untuk memberi insentif kepada mereka supaya mengimport barang-barang secara FOB dan mengeksport secara CIF. Dan saya rasa apabila kita dapat bertemu dengan Dewan-dewan Perniagaan dan juga persatuan-persatuan pengilang dan pengeksport maka adalah diharapkan supaya mereka akan mematuhi kehendak negara ini.

Mengenai kontraktor-kontraktor yang diadukan sekejap tadi, saya suka memaklumkan bahawa sudah pun dikenakan syarat oleh Kerajaan supaya setiap barang yang hendak

diguna dalam negeri mestilah diperolehi dalam negeri sendiri kecuali barang-barang itu mutunya tidak mengikut apa yang dikehendaki barulah boleh diimport dari luar negeri dan ini memang dipatuhi oleh para kontraktor yang sedang menjalankan kerja-kerjanya di negara kita. Seberapa yang boleh kita cuba meletakkan syarat ini supaya mereka akan mengguna seberapa banyak barang-barang dan khidmat yang terdapat dalam negara.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan berkenaan dengan jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk melaksana dan mengawasi kempen untuk membeli barangan-barangan tempatan ini, adakah wakil persatuan pengguna diundang untuk menganggotai jawatankuasa ini memandangkan bahawa penglibatan pergerakan pengguna adalah mustahak untuk menjayakan kempen ini. Di samping ini, suka saya mendapat tahu juga daripada Yang Berhormat Menteri sama ada pihak Kementerian dapat mengadakan satu jenis jentera untuk menentukan bahawa para pengilang sentiasa dapat meninggikan mutu sesuatu barang-barang buatan dalam negeri untuk tujuan mengubah sikap para pengguna bahawa barangan-barangan tempatan kurang bermutu.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya kata tadi kita hanya baru menubuh satu jawatankuasa berbagai agensi untuk merangka cara-cara hendak menjalankan kempen ini. Belum pun lagi kita tubuh jawatankuasa untuk menjalankan kempen. Ini barangkali akan dilakukan apabila Kementerian saya berjumpa dengan para wakil daripada Dewan-dewan Perniagaan dan persatuan pengilang, persatuan pengimport dan sebagainya dan sudah

tentu kalaulah difikir pihak-pihak tertentu patut dijemput untuk menyertai dalam jawatankuasa kempen ini maka cadangan seumpama itu akan diberi pertimbangan yang sebaik-baiknya sudah tentu kita mahu semua orang terlibat untuk menjayakan kempen membeli barangan-barangan buatan dalam negeri.

Mengenai mutu barang-barang keluaran dalam negara ini, ini juga akan dibincangkan supaya dapat menarik rakyat membeli barang-barang keluaran dalam negara.

Tujuan saya selain daripada tujuan-tujuan hendak melindungi negara daripada difisit pengimbangan pembayaran ini ialah untuk hendak menyemaikan semangat di kalangan rakyat sendiri supaya bermegah dengan barangan-barangan keluaran dalam negara, kita tidak mahu rakyat kita masih tertekan oleh syndrome yang lama iaitu mengharap kepada barang-barang keluaran luar negara, terlampau brand conscious, terlampau mempercayai bahawa barang-barang keluaran asing lebih bermutu daripada barang-barang keluaran dalam negara sendiri. Maka kalau dapat ditanam semangat ini dan dapat disemai perasaan ini, saya rasa dengan kerjasama daripada pihak pengeluar dan pengilang-pengilang akan berhasillah kempen ini kalau ada kerjasama daripada semua pihak.

### PERLUMBAAN MOTOSIKAL DI WAKTU MALAM

**3. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa di seluruh Negara dalam mana-mana Negeri terdapat perlumbaan-perlumbaan motosikal ketika malam-malam hari di jalan raya-jalan raya umum yang semakin

hari semakin berleluasa hingga mengganggu ketenteraman juga amat merbahaya kepada penunggang-penunggang itu sendiri adakah Kerajaan telah mewujudkan suatu undang-undang ketat untuk menghapuskan perbuatan ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa ada terdapat jalan raya-jalan raya di beberapa buah negeri seperti di Wilayah Persekutuan, Perak, Pulau Pinang dan Johor dijadikan gelanggang perlumbaan motosikal ketika larut malam. Kegiatan ini didapati mengganggu ketenteraman awam dan orang ramai di samping merbahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain dan penunggang-penunggang motosikal itu sendiri. Polis sentiasa menjalankan rondaan-rondaan untuk memastikan perlumbaan tersebut tidak berlaku. Tindakan yang sewajarnya menurut undang-undang sentiasa diambil ke atas mereka ini.

Pada tahun ini seramai 1,511 orang dari mereka yang terlibat dalam perlumbaan ini telah disaman oleh pihak Polis atas berbagai-bagai kesalahan jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji untuk mewujudkan satu peraturan undang-undang yang khusus dalam usaha membanteras kegiatan perlumbaan motosikal ini.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, adakah perlumbaan-perlumbaan haram ini dianjurkan oleh penganjur-penganjur yang bermotifkan perjudian. Jika ada, adakah terdapat sebarang undang-undang yang boleh mendakwa penganjur-penganjur tersebut?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat ada

beberapa kes yang dilaporkan kepada polis dan buat sekarang ini adalah di dalam siasatan pihak polis.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan masalah perlumbaan-perlumbaan motosikal haram di jalan raya-jalan raya di negara kita ini, adakah Timbalan Menteri Dalam Negeri bercadang hendak mengadakan satu skuad khas yang terdiri daripada anggota-anggota polis untuk membanteras perlumbaan-perlumbaan ini ataupun dengan mengadakan satu pasukan khas anggota-anggota polis yang menyamar sebagai anggota-anggota pelumba motosikal dalam kumpulan ini supaya anggota-anggota ini dapat tahu dan melaporkan kepada pihak atasan apabila diadakan, di mana, bila ataupun di mana perlumbaan itu akan diadakan nanti?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan berpendapat bahawa tidak perlu kita mengadakan satu skuad yang khusus untuk menjalankan rondaan dan mengawal kegiatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi apa yang diharapkan dengan adanya undang-undang yang baru insya Allah kegiatan ini boleh dikawal dengan begitu rapi.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana apa yang Timbalan Menteri berkata tadi iaitu Kerajaan telah mengadakan undang-undang khas sebagai undang-undang ketat untuk membasmi perlumbaan motosikal malam-malam hari. Adakah Kerajaan sedar sekiranya hanya setakat undang-undang denda tinggi, harga misalannya ribu-ribuan harga itu pun tidak boleh membasmi juga sebab di antaranya mereka berlumba motosikal ini ada pejudi-pejudinya ataupun senang untuk mendapatkan

wang. Adakah Kerajaan bercadang untuk mereka yang terlibat pelumba motosikal apabila ditangkap diharamkan kepada mereka memakai motosikal beberapa lama yang boleh, tiga tahun, lima tahun dan sebagainya?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi Kerajaan masih merancang menggubalkan satu undang-undang dan Jabatan Peguam Negara telah diminta kerjasama untuk meminda beberapa perkara ataupun seksyen dalam Ordinan Lalulintas untuk membolehkan pihak berkuasa dan mahkamah seterusnya menurunkan hukuman yang berat dan mungkin akan mengenakan hukuman penjara mandatory dan juga perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

## DISIPLIN PELAJAR

**4. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa umumnya berlaku kemerosotan disiplin di kalangan pelajar-pelajar dan penuntut-penuntut pada masa ini. Mengapa sekolah-sekolah/maktab-maktab dan institusi-institusi Pengajian Tinggi dapat digunakan sebagai gelanggang politik oleh sesetengah pihak. Apa sikap Kementeriannya dalam hal ini dan apakah langkah-langkah bagi mengatasinya.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya disiplin pelajar-pelajar di negara ini adalah cukup memuaskan dan terkawal. Anggapan yang mengatakan telah berlaku kemerosotan disiplin di kalangan pelajar-pelajar adalah tidak benar. Apa yang sebenarnya berlaku hanyalah beberapa kejadian tidak berdisiplin yang berbentuk "isolated cases" oleh segelintir pelajar-pelajar.

Di peringkat sekolah umumnya terdapat dua faktor utama yang membawa kepada kejadian tidak berdisiplin di kalangan pelajar-pelajar iaitu, faktor pengaruh alam sekitar dan kurang kawalan dan kerjasama ibubapa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah, maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi tidak boleh digunakan sebagai gelanggang politik oleh mana-mana parti politik. Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil perhatian yang berat dan sikap yang tegas dalam hal-hal yang berkaitan dengan disiplin pelajar-pelajar.

Sekolah-sekolah, maktab-maktab perguruan dan institusi pengajian tinggi juga tidak digunakan sebagai gelanggang politik oleh mana-mana pihak. Kesedaran politik di institusi-institusi pengajian tinggi memang ada kerana sebagai golongan intelek mereka sentiasa mengikut perkembangan politik tanahair. Seringkali tokoh-tokoh politik dari semua parti dijemput untuk berdebat, berceramah, berpolemik dan berbincang mengenai isu-isu semasa yang menjadi sebahagian daripada ilmu yang mereka harus tuntuti. Ini tidak bermakna kampus-kampus ini dijadikan gelanggang politik.

Kementerian Pelajaran juga sentiasa mengambil perhatian yang berat dan bersikap tegas dalam hal-hal yang berkaitan dengan disiplin pada pelajar di negara kita ini.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar satu sebab kemerosotan disiplin di kalangan pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut di sekolah diakibatkan oleh sikap guru-guru yang di dalam sekolah atau maktab-maktab. Dan yang kedua, adakah Timbalan Menteri yang

berkenaan sedar di kawasan saya ada sebuah sekolah teknik yang berlaku satu peristiwa iaitu pelajar-pelajar membuat bantahan atas sikap pengetua institut itu dan mereka tidak mahu hadir dalam bilik apabila guru-guru yang datang ke bilik itu? Apakah tindakan yang akan diambil atas pemimpin-pemimpin satu golongan pelajar yang buat bantahan?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor yang menyebabkan keruntuhan disiplin di sekolah-sekolah bukanlah hanya bergantung kepada satu faktor sahaja. Memang banyak sebagaimana saya sebut tadi termasuklah penglibatan ibubapa, tingkah laku murid-murid sendiri, kemudian ada juga segelintir daripada guru-guru yang mungkin didapati tidak menjalankan tanggungjawab sebagaimana diharapkan. Walau bagaimanapun kita memang sentiasa memberi perhatian terhadap keadaan guru-guru ini dan juga anak-anak kita di sekolah di samping mengharap kerjasama daripada ibubapa supaya dapat disiplin anak-anak di sekolah ini diperbaiki.

Mengenai sekolah teknik yang disentuh oleh saudara itu, yang berlaku satu tunjuk perasaan, Kerajaan memang telah mengambil tindakan dan keadaannya telah pun pulih seperti sediakala dan murid-murid ataupun penuntut yang mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan itu telah pun kembali ke sekolah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kekurangan disiplin dan keciciran wujud di Negeri Selangor misalnya dan adakah Yang Berhormat juga sedar kekurangan disiplin berlaku disalah sebuah sekolah di Pandamaran di mana terlibatnya soal perkauman?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar keadaan yang berlaku di Selangor tetapi keadaan di Pandamaran itu saya rasa perlu diselidiki kerana kita belum pasti lagi sama ada ianya disebabkan oleh polarisasi atau tidak dan Kerajaan, khususnya Kementerian Pelajaran, akan mengambil langkah yang sesuai supaya dapat diselidiki perkara ini dan ditentukan sama ada ianya berlaku disebabkan oleh polarisasi kaum ataupun tidak.

### SKIM PINJAMAN CGC

**5. Tuan Omar bin Haji Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menaikkan pinjaman CGC dari \$50,000 sekarang ini kepada jumlah yang lebih tinggi sebagai satu lagi langkah untuk membantu usahawan Bumiputera, dan adakah Kerajaan juga bercadang memberi perlepasan cukai melalui taraf printis kepada Syarikat Bumiputera tulen (100%) yang melibatkan diri dalam bidang pembuatan.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat itu, pada masa ini terdapat dua skim pinjaman yang dikelolakan oleh CGC dalam usaha membantu peminjam-peminjam dari sektor perusahaan kecil. Skim-skim tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Skim jaminan am yang mana had pinjaman maksima yang diberi ialah sebanyak \$200,000 bagi pengurusan kecil Bumiputera.
- (2) Skim jaminan khas yang mana maksima pinjaman diberikan ialah sebanyak \$50,000.

Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan pinjaman CGC kepada jumlah yang lebih tinggi. Ini adalah memandangkan bahawa jumlah pinjaman yang diberi oleh CGC

tersebut sudah memadai untuk membantu usahawan Bumiputera di dalam menjalankan operasinya.

Di dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, usahawan Bumiputera sepatutnya mestilah mempunyai sedikit modal sendiri apabila ingin menceburkan diri di dalam apa-apa bidang pembuatan. Jadi pinjaman yang diperolehi dari CGC tersebut hanyalah merupakan tambahan kepada modal yang telah sedia ada itu.

Mengenai pemberian pelepasan cukai taraf perintis pula ianya adalah berasaskan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Kewangan adakah benar peminjam-peminjam melalui skim CGC ini tidak diperlukan mendapat security atau cagaran collateral. Kalau ia, kenapa segolongan bank-bank atau institusi-institusi kewangan memerlukan rakyat usahawan meletakkan cagaran atau collateral sebelum meluluskan pinjaman melalui CGC ini.

Adakah ini satu polisi yang belum tetap lagi ataupun garis panduan telah ditetapkan dan bank-bank atau institusi-institusi kewangan ada polisi sendiri.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, pinjaman-pinjaman melalui CGC ini bukanlah hanya secara otomatis atau secara satu garis panduan yang tidak "flexible". Sesuatu permohonan untuk pinjaman CGC ini haruslah juga disiasat dan dikaji dengan teliti oleh bank-bank berkenaan berasas dengan "viability" projek itu dan bukan hanya untuk mendapatkan "facility" dengan otomatis sebelum projek-projek yang akan diusahakan dapat disiasat dari segi "viability" projek itu.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapa peratuskah daripada jumlah besar CGC yang diberikan setakat ini oleh bank-bank kepada bumiputera dan bukan bumiputera. Dan berapa peratuskah jumlah hutang lapuk mengikut kiraan bumiputera dan bukan bumiputera.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis.

### GRADUAN SAINS DENGAN PENDIDIKAN—BILANGAN

6. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan graduan Sains dengan Pendidikan dari universiti-universiti tempatan yang masih belum mengetahui "posting" (penghantaran) mereka dan menyatakan sebab Kementerian beliau gagal membuat demikian. Adakah negara kita mengalami kekurangan atau kelebihan guru-guru matapelajaran sains. Jika kekurangan mengapakah mereka masih belum mengetahui "posting" mereka. Jika berlebihan, apakah buktinya. Jika berlebihan, mengapakah graduan-graduan dengan diploma pendidikan yang berkursus dalam matapelajaran sains tidak menghadapi masalah yang sama. Adakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini. Jika ia, apakah tindakan yang telah diambil. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan siswazah matapelajaran Sains dengan Pendidikan dari universiti-universiti tempatan yang masih belum ditempatkan ialah 146 orang. Penempatan guru-guru siswazah ke negeri-negeri adalah berdasarkan kepada keperluan negeri, mengikut bilangan guru, kategori dan matapelajaran.

Kementerian Pelajaran menghantarkan guru-guru yang diperlukan oleh negeri-negeri dengan memberi keutamaan kepada guru-guru yang mempunyai ikatan perjanjian dengan Kementerian Pelajaran. Guru siswazah matapelajaran sains dan matematik yang tiada ikatan dengan Kementerian Pelajaran pula, usaha sedang dibuat untuk menempatkan mereka bila keperluan wujud.

Keperluan guru siswazah sains dan matematik pada tahun 1984 sehingga ini ialah 910 dibandingkan dengan keluaran yang seramai 1,056 orang. Mengenai penempatan siswazah Diploma Pendidikan yang mengkhususkan sains dan matematik yang dikatakan tiada masalah untuk ditempatkan itu, ingin saya maklumkan bahawa penempatan mereka dibuat di awal tahun 1984 yang pada ketika itu keperluan bagi guru-guru sains dan matematik sedia wujud dan perlu diisi dengan segera. Dari jumlah 146 orang yang belum ditempatkan itu, 23 orang daripada mereka adalah siswazah Diploma Sains dengan Pendidikan, 18 orang daripadanya dengan pinjaman MARA, dan 5 dengan pinjaman Negeri. Seramai 123 orang lagi adalah siswazah sarjana muda dengan pendidikan, 13 orang daripadanya pinjaman MARA, 31 orang pinjaman Negeri dan 73 orang perbelanjaan sendiri.

Kementerian Pelajaran sentiasa bersimpati dengan keadaan guru-guru yang belum mendapat penempatan ini dan berusaha supaya guru-guru ini ditempatkan ke sekolah-sekolah apabila wujud keperluan di negeri-negeri nanti.

**Tuan Tan Kok Hooi:** Soalan tambahan. Berkenaan "posting" atau penempatan graduan atau siswazah guru-guru, adakah Kementerian sedia menempatkan graduan atau siswazah guru-guru balik ke tempat asal negeri

mereka, misalnya yang datang dari Kedah itu ditempatkan di Negeri Kedah.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya beritahu tadi, ini terpulang kepada keadaan. Ada tempat tidak boleh masuk pun kerana ramai daripada graduan-graduan yang sedia ada di sana memang asalnya daripada negeri tertentu. Misal kata, Perlis, ramai daripada guru-guru yang ada di sana ialah datang daripada Perlis dan tidak boleh kita masukkan orang yang dari Perlis juga yang hendak balik ke Perlis dan bertugas di Perlis kerana ini akan mengakibatkan orang Perlis juga terpaksa keluar. Dan begitu jugalah akibatnya kalau kita hendak menempatkan guru-guru lain di negeri-negeri lain, dan ini terpulanglah kepada keadaan dan Kementerian Pelajaran sentiasa mengkaji dengan teliti untuk menempatkan, menentukan supaya guru yang asalnya daripada negeri-negeri tertentu ditempatkan di situ walaupun kita juga terpaksa mengambil kira kriteria tertentu supaya tidak menimbulkan masalah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kajian keperluan guru-guru siswazah dengan pendidikan ini dijalankan dengan betul sebelum mengadakan kursus supaya tidak wujud masalah seperti ini. Adakah kriteria yang digunakan untuk menempatkan "posting" ini adil ataupun berkesan supaya masalah ini dapat dielakkan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita membuat perancangan yang teliti dalam usaha kita melatih guru-guru terutama sekali guru-guru siswazah yang menyebabkan kelebihan yang disebutkan tadi ialah ramai daripadanya mengambil Diploma Pendidikan ataupun mengkhususkan dalam sains dan matematik dengan

pendidikan. Adalah golongan yang tidak mendapat biasiswa daripada Kerajaan, lebih-lebih lagi Kementerian Pelajaran.

Jadi mereka ini adalah golongan yang "last moment", dengan izin, menanamkan "interest" dalam pendidikan dan mengajar dan tiba-tiba memohon untuk mengambil pendidikan dan di samping itu ada juga yang tidak ada "choice" mungkin minat timbul kemudian "choice" lain tidak ada, dengan izin, dan mereka ini melompat dan berusaha untuk mendapat tempat di universiti supaya dapat mengikuti Diploma Pendidikan.

Mengenai "posting" ini Kerajaan sentiasa mengkaji dan membuat "planning" yang tertentu supaya tidak timbul masalah-masalah sebagaimana yang disebutkan tadi. Dan insya Allah dengan kajian teliti dengan "planning" ataupun rancangan yang terperinci dan teliti akan diharapkan tidak ada masalah-masalah yang timbul di masa yang akan datang.

### **JEMAAH HAJI— PEGAWAI KEBAJIKAN**

**7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah Pegawai Kebajikan yang telah diambil bertugas bagi kepentingan Jumaah Haji tahun ini. Apakah syarat-syarat kelayakan bagi mendapat jawatan Pegawai Kebajikan itu dan apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada mereka. Nyatakan juga bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang berada di Arab Saudi diberi tugas sebagai pegawai kebajikan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohammed):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pegawai dan kakitangan yang bertugas dalam rombongan kebajikan bagi kepentingan jemaah haji tahun ini adalah 114 orang.

Seramai 101 adalah pegawai dan kakitangan Tabung Haji yang menjalankan tugas-tugas kebajikan am, termasuk urusan penerbangan, kewangan dan kematian jemaah haji dan seorang pegawai dari Kementerian Kebajikan Masyarakat yang mengetuai urusan counseling (khidmat-nasihat), 2 orang adalah pegawai dari Pejabat Pendaftaran Negara yang menguruskan urusan pendaftaran kematian dan kelahiran dan seorang dari Lembaga Letrik Negara yang bertanggungjawab yang bersangkutan dengan masalah letrik di pejabat-pejabat dan hospital Tabung Haji di Makkah, Arafah dan Mina. Bakinya adalah mekanik, pemandu dan tukang masak.

Di samping itu, seramai 30 orang pelajar Malaysia yang berada di Arab Saudi telah dilantik sebagai Pegawai-pegawai Kebajikan Khas untuk menjaga urusan Kebajikan Jemaah Haji.

Hanya Pegawai dan Kakitangan Tabung Haji sahaja boleh dilantik bagi menganggotai rombongan kebajikan ke Tanah Suci, selain daripada Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Lembaga Letrik Negara dan Pemandu serta tukang masak musim haji yang menjalankan tugas-tugas khas.

Sebagai Pegawai dan kakitangan Badan-badan Berkanun dan juga Kerajaan, mereka yang dihantar bertugas itu layak mendapat elaun-elaun bertugas di luar negeri seperti elaun makan di bawah peruntukan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1980. Pelajar-pelajar pula dibayar elaun sebanyak Saudi Rial (SR) 100 sehari.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada di antara pegawai-pegawai kebajikan Tabung Haji yang cuba mengelakkan

diri daripada memberikan khidmat kepada jemaah haji dengan membuang lencana yang dipakai pada dada mereka.

Soal yang kedua adakah Kerajaan bercadang untuk memberi uniform kepada Pegawai Kebajikan tadi supaya mereka tidak dapat mengelakkan diri seperti dibuat oleh setengah-setengah negara lain. Dengan memakai uniform barangkali mereka terpaksa memberikan khidmat kepada jemaah haji.

**Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohammed:** Terima kasih. Saya difahamkan bahawa semua Pegawai Kebajikan yang menjalankan tugas semasa berada di Tanah Suci adalah menjalankan tugas dengan baik dan sempurna kerana kami menerima berbagi juga kawat tahniah dan pujian terhadap sumbangan dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Pegawai Kebajikan dan kalau ada yang tak pakai itu barangkali lencana itu mudah cicir dan gugur dan baru-baru ini lencana yang lebih lekat telah pun diberi.

Berkenaan dengan cadangan yang kedua itu adalah baik dan insya Allah Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan menimbangkan.

#### **BIASISWA MAHASISWA TEMPATAN— KELEWATAN BAYARAN**

**8. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa bayaran biasiswa bagi penuntut-penuntut universiti tempatan lambat dibayar sehingga memakan masa lebih setahun baru dibayar sedangkan bagi penuntut-penuntut yang melanjutkan pelajar ke luar negeri, biasiswa mereka dibayar sebelum mereka bertolak ke luar negeri.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pembayaran biasiswa bagi penuntut-penuntut universiti tempatan tidaklah memakan masa sehingga satu tahun lebih sebagaimana yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Biasanya pembayaran dibuat lebih kurang sebulan setelah perjanjian ditandatangani. Kelewatan pembayaran boleh timbul sekiranya borang perjanjian lewat dikembalikan kepada pihak penganjur.

Sebenarnya, biasiswa bagi penuntut-penuntut yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri tidak dibayar sebelum mereka bertolak ke luar negeri; yang dibayar ialah wang pendahuluan untuk menampung perbelanjaan asas mereka.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa mereka yang telah menandatangani perjanjian biasiswa dalam bulan November/Disember, 1983 hampir setahun lamanya masih belum mendapat biasiswa dan juga mereka itu juga terpaksa membayar wang peperiksaan sebanyak \$270, sedangkan mereka yang mendapat biasiswa itu tidak dikehendaki membayar wang peperiksaan kerana boleh dipotong daripada biasiswa mereka? Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasi perkara ini?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum sedar kerana belum ada saya menerima laporan mengatakan bahawa lebih satu tahun mereka menandatangani perjanjian, kemudian biasiswa belum sampai.

Walaupun bagaimanapun, mungkin disebabkan borang-borang yang diisi itu ada yang memohon sama dengan golongan yang memohon itu, ada yang tak menghantarkan borang ataupun ada yang lambat menghantarkan borang dan oleh kerana masalah inilah mungkin menimbulkan akibat iaitu kelambatan dari segi memproses dan kemudian memberi biasiswa.

Namun demikian, insya Allah akan kita usahakan supaya dapat diselidiki perkara ini dan akan diambil perhatian yang sewajarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Koh Tsu Koon.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Koh Tsu Koon tidak hadir).

### INDUSTRI BERAT— RANCANGAN PROJEK SAMPINGAN

10. **Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandangkan dasar industri negara kita adalah ke arah industri, contohnya pembuatan kereta Malaysia, hot briquette, steel bille sponge iron dan methanol:

- (a) apakah rancangan-ancangan telah pun dijalankan untuk mengambil kesempatan keuntungan daripada industri-industri berat ini dengan penubuhan industri-industri komplimentasi di hilir (down stream) dan sama ada beliau dapat menamakan industri-industri hilir ini yang telah ditubuhkan sehingga tarikh ini; dan
- (b) sama ada sebarang rancangan-rancangan telah diambil untuk membangunkan industri-industri yang kurang maju, kecil dan sampingan agar mendapat

faedah dari kesan “spill-over” daripada industri-industri berat ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membangunkan industri-industri berat secara terpilih supaya negara tidak terus bergantung kepada pengimportan barang siap serta komponen yang diperlukan oleh berbagai sektor perkilangan. Di samping faedah pemindahan teknologi, kemampuan negara untuk mengeksport keluaran yang tinggi nilainya bertambah juga akan meningkat.

Sebagai contoh, kilang-kilang besi waja yang sedia wujud boleh memperolehi bekalan “hot briquette iron” dari kilang Perwaja di Terengganu untuk keluaran besi keluli dan sementara itu pula projek kereta Malaysia akan menjadi asas untuk membangunkan industri komponen kereta. Sebagai permulaan sekurang-kurangnya 13 jenis komponen yang pengeluaran tempatannya sudah sedia wujud akan mendapat faedah dari projek ini. Satu rancangan penggunaan komponen tempatan untuk kereta Malaysia sedang disediakan yang melibatkan lebih kurang 280 jenis komponen di peringkat permulaannya. Rancangan ini dijangka siap sebelum akhir tahun ini selepas mana komponen-komponen yang dikenalpasti akan dibangunkan bukan sahaja untuk keperluan tempatan tetapi juga untuk pasaran eksport.

Mengenai soalan (b), sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian saya pada masa ini sedang menjalankan kajian-kajian terhadap industri-industri mengikut sektor tertentu di bawah Pelan Induk Perindustrian. Industri-industri sokongan dan sampingan yang boleh diwujudkan akan dikenalpasti dan ini

termasuk industri-industri yang merupakan sokongan kepada industri berat. Kajian ini akan juga meliputi jenis-jenis industri sokongan atau sampingan yang boleh dilaksanakan secara kecil-kecilan dan ini dengan sendirinya akan mendorong perkembangan industri-industri sampingan yang kecil.

Kementerian saya juga melalui Bahagian Perusahaan Kecil sedang menubuhkan satu Bahagian "Sub-Contracting Exchange" yang akan menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil melalui penerimaan kontrak-kontrak daripada perusahaan besar.

Exchange ini akan mendapatkan maklumat-maklumat dari perusahaan-perusahaan besar mengenai kerja-kerja atau kontrak-kontrak yang boleh diberi kepada perusahaan-perusahaan kecil. Dalam pada itu maklumat-maklumat mengenai perusahaan-perusahaan kecil juga sedang dikumpul supaya perusahaan-perusahaan kecil ini dapat diberi kontrak daripada perusahaan-perusahaan besar. Dengan cara begini adalah diharapkan pertumbuhan perusahaan kecil akan lebih terjamin kerana mendapat pasaran daripada perusahaan besar yang memberi kontrak itu.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa mengenai pembangunan industri sokongan secara kecil-kecilan, pihak pengusaha ada menghadapi berbagai masalah, misalnya, salah satu masalah ialah kelambatan birokratik. Saya suka bertanya sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji segala masalah ini dan dapat merumuskan satu cara yang berkesan di mana segala masalah ini dapat diatasi supaya pembangunan industri-industri kecil dapat dipercepatkan?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, memang banyak langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan dalam hendak membantu perkembangan industri kecil di dalam negara kita.

Kita memang menyedari banyak masalah asas yang masih lagi belum dapat diselesaikan dengan baik, infrastruktur atau prasarana masih belum mencukupi dan banyak masalah dari segi mendapatkan kemudahan kredit serta sokongan-sokongan yang lain yang masih berterusan. Sebab itu pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang pun mengambil langkah-langkah untuk membantu sektor perusahaan kecil ini. Di antara usaha yang sedang dibuat ialah untuk mengurangkan proses birokratik atau red tape sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi untuk memberikan seberapa cepat yang mungkin bantuan-bantuan yang diperlukan oleh sektor perusahaan kecil.

Dalam soal ini mungkin banyak aspek yang perlu dikaji iaitu pertamanya kemungkinan kita perlu menyediakan kemudahan-kemudahan para sarana seperti tapak perusahaan yang sesuai dengan kemudahan-kemudahan bantuan sokongan teknikal yang diperlukan oleh sektor ini. Keduanya, kita juga mengambil langkah-langkah sewajarnya dengan beberapa institusi yang sedia wujud dari segi memberikan sokongan kepada sektor perusahaan kecil dalam bentuk bantuan kredit kerana kita biasa mendengar aduan-aduan daripada pengusaha-pengusaha tentang kesulitan mendapatkan kelulusan bantuan sama ada daripada institusi kewangan tempatan ataupun daripada agensi Kerajaan. Aspek ini sedang pun dikaji oleh pihak kita dan jawatankuasa penyelarasan yang telah pun ditubuh di peringkat Kementerian

sentiasa berusaha supaya masalah-masalah dari segi bantuan kredit ini dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya.

Soal yang lain ialah berhubung dengan bantuan dari segi pengurusan, bantuan dari segi pemasaran. Dan satu langkah yang sedang pun berjalan sekarang ini ialah untuk kita menyediakan satu skim rancangan pemasaran bersepadu untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil di mana bukan setakat untuk menyediakan outlet pasaran bagi barangan mereka tetapi memberikan khidmat nasihat, bantuan bagaimana mutu pengeluaran barang-barang pengusaha kecil itu dapat ditingkatkan dan justeru itu dengan cara ini dapat dipasarkan dengan lebih berkesan. Dan langkah-langkah selanjutnya sedang pun diambil oleh pihak Kerajaan sendiri bagaimana untuk mengelakkan terlalu banyak agensi-agensi Kerajaan melibatkan dalam berbagai program. Dengan sebab itu menimbulkan masalah kepada pengusaha kecil. Dan seberapa yang boleh kalau ada pun redtape, cuma redtape yang perlu sahaja kita kenakan.

#### **MEMILIKI SENJATAPI SECARA HARAM— TANGKAPAN**

11. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah tangkapan senjatapi (semua jenis) yang telah dibuat oleh pasukan polis dalam tahun 1982, 1983 dan 1984. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pasukan polis untuk menjamin tidak bertambah kejadian rompak dengan menggunakan senjatapi khususnya di Pantai Timur Negeri Sabah. Adakah langkah ini termasuk untuk menambah anggota-anggota Polis.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1982 sehingga bulan September, 1984 seramai 315 orang telah ditangkap kerana memiliki senjatapi secara haram. Dalam tempoh yang sama sejumlah 257 pucuk senjatapi semua jenis telah dirampas oleh pihak polis di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Untuk menjamin kejadian rompak dengan menggunakan senjatapi tidak lagi berleluasa Kerajaan telah mengambil tindakan seperti mengadakan perhubungan yang rapat dengan pihak Polis Thai dan Indonesia bagi menyekat kemasukan senjatapi secara haram ke negara kita. Meningkatkan kawalan dan rondaan yang rapi bagi mendapatkan maklumat-maklumat dan membanteras penyeludupan serta mengadakan operasi-operasi. Antaranya Operasi Berkas, Operasi Benteras, Operasi Bersih dan operasi-operasi lain yang akan dibuat dari masa ke semasa. Kerajaan juga mengambil berat kejadian rompakan dan samun yang belaku di Pantai Timur Negeri Sabah dan tindakan telah diambil bagi menghalang kejadian seumpama itu dari berlaku dengan:

- mengetatkan kawalan di kawasan perairan dan sempadan oleh pihak Marin;
- menempatkan anggota-anggota Pasukan Polis Hutan di persisiran Pantai Timur negeri tersebut;
- menambah kekuatan anggota polis di tempat-tempat yang difikirkan perlu serta melancarkan operasi-operasi mencegah jenayah di kawasan-kawasan yang disyaki terdapat penjenayah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga usaha-usaha mencegah peningkatan kejadian

samun bersenjata dan penyeludupan senjata ke negara kita seperti yang dinyatakan di atas tidak melibatkan penambahan anggota Pasukan Polis.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah pun menyebut beberapa langkah bagi mengelak daripada berlakunya rompakan dan samun. Tetapi di akhir-akhir ini walaupun langkah-langkah telah dijalankan kelihatan rompakan samun dan separuh rompakan atau semi-rompakan tetap berlaku dan makin berleluasa. Apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan pasukan-pasukan petugas di kampung-kampung sebab rompakan ini sudah merebak sampai ke kampung-kampung, bercadang untuk menubuhkan pasukan petugas di kampung-kampung bagi mengelakkan berlakunya rompakan-rompakan ini.

Soalan yang kedua, apakah Kerajaan bercadang untuk melakukan suatu kajian keadaan sosial masyarakat yang menyebabkan atau yang menjadi punca kepada bertambah banyaknya aktiviti-aktiviti rompakan di negara ini?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat tidak perlu diadakan satu pasukan khas kerana buat sekarang ini memang pihak polis sudah pun dilengkapi dengan pasukan khas untuk mengawal rompakan-rompakan yang kian berlaku di negara kita ini.

Dalam kajian yang terdapat, pada tahun 1982 hanya 535 kes rompakan dengan menggunakan senjata berlaku di negara ini. Kalau dibandingkan dengan tahun ini sehingga bulan September hanya terdapat 370 kes sahaja.

Walau bagaimanapun, sebagaimana saya jelaskan tadi pihak polis selalu menjalankan rondaan dan jika perlu akan menambahkan pasukan-pasukan khas yang telah ditubuhkan dalam kawasan-kawasan yang sensitif.

Berkenaan soal yang kedua yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat itu, memanglah ini ada dalam perhatian polis setiap masa.

### RAPAT UMUM DAP— PERMOHONAN DITOLAK

**12. Tuan Gooi Hock Seng:** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa permohonan-permohonan DAP baru-baru ini untuk mengadakan rapat umum di beberapa negeri telah ditolak oleh pihak polis memandangkan Perdana Menteri telah menegaskan dalam lawatan beliau ke Australia baru-baru ini bahawa tidak ada masalah keselamatan di negara ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan pihak Polis menolak permohonan-permohonan DAP baru-baru ini untuk mengadakan rapat umum di beberapa buah negeri dibuat atas pertimbangan keselamatan negara dan ketenteraman awam yang mungkin terganggu jika rapat-rapat umum tersebut dibenarkan. Walaupun keadaan keselamatan negara terkawal kita terpaksa berwaspada terhadap sebarang bentuk ancaman yang boleh menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dalam hubungan inilah rapat-rapat umum ini diharamkan agar mana-mana pihak yang anti demokrasi, subversif atau anti nasional tidak dapat menggunakan atau mengambil kesempatan daripada sebagai landasan bagi mencapai matlamat mereka yang tidak diingini lagi jahat itu.

## PEMBUANGAN SISA RADIOAKTIF DI PAPAN

13. **Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan hasil kajian yang dijalankan oleh tiga orang pakar nuklear, iaitu Encik Aladar B. Dory, Encik Heinonen Joma dan Encik S. D. Soman daripada Agensi Tenaga Atomic Antarabangsa Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Internasional Atomic Energy Agency) ke dalam tempat pembuangan sisa radioaktif di Papan, Perak; dan sama ada kajian mereka itu akan diumumkan kepada orang ramai.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, tiga orang pakar iaitu Encik Aladar B. Dory dari Canada, Encik Heinonen Jooma dari Finland dan S. D. Soman dari India telah datang menjalankan kajian bagi pihak Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Mereka tiba pada 15hb September, 1984 lalu dan telah selesai menjalankan kajian pada 22hb September, 1984. Laporan daripada IAEA ini belum lagi diterima. Kerajaan akan membuat keputusan muktamad mengenai perkara ini apabila laporan-laporan daripada pakar luar negeri itu diterima dan dikaji dengan teliti dengan mengambil kira juga lelitisan Jawatankuasa Teknikal yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Perak dan penerangan kepada orang ramai mengenai laporan-laporan tersebut.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada tiga orang pakar nuklear ini saya dapati ada pihak lain yang melantik pakar-pakar mereka yang boleh menafikan segala laporan yang akan diumumkan oleh tiga orang pakar nuklear ini termasuk ahli Pembangkang ada pakar-pakar mereka, mungkin tidak mahu umumkan laporan mereka. Saya ingin

tahu daripada Yang Berhormat Menteri, bolehkah pihak Kerajaan menimbang cadangan untuk menempatkan tempat pembuangan sisa ini di lain tempat supaya pakar-pakar yang lain tidak boleh mengatakan itu adalah satu pilih kasih oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menempatkan tempat itu dekat dengan kilang sahaja.

**Datuk Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi pemilihan tempat ini kita telah menentukan hasil daripada kajian-kajian yang dijalankan oleh beberapa agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam hal ini termasuklah Kementerian Kesihatan, Jabatan Penyiasatan Kajibumi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Unit Tenaga Nuklear, Jabatan Perdana Menteri. Jadi, kita tidak setakat ini dan saya rasa kita tidak bercadang hendak mengubah tempat seperti yang dikatakan tadi oleh kerana kita telah pun disyorkan bahawa tempat itu adalah sesuai.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa baru-baru ini seorang Pakar Physicists dan Analysts Keselamatan (Safety Analysts) daripada United Kingdom ada datang dan membuat suatu siasatan dan kajian yang telah membuat perakuan bahawa tempat pembuangan sisa radioaktif di Papan adalah tidak sesuai yang akan menjahanamkan, merusakkan kesihatan dan masa depan penduduk-penduduk di kawasan itu khasnya oleh kerana kawasan itu adalah built-up areas dan ada sungai-sungai yang boleh membawa kesan radioaktif kepada sekeliling kawasan itu. Adakah pihak Kerajaan menimbang laporan pakar ini dan lain-lain pakar bukan sahaja terhad kepada tiga orang yang telah diundang. Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri

memberitahu kenapa pihak Kerajaan enggan mengumumkan fail-fail dalam semua proses pertimbangan mahu menempatkan tempat pembuangan sisa radioaktif di Papan baik dari segi Jabatan atau Kementerian Kesihatan, Environmental dan lain-lain, mengumumkan atau membuka fail sepenuhnya supaya semua pakar-pakar boleh tengok keadah dan cara di mana perakuan ada dibuat pada asalnya untuk menempatkan dump di sana.

**Datuk Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, terutama mengenai pakar-pakar yang kita hantar. Memang kita mengetahui pakar yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan kenyataan yang dibuatnya tetapi ingin saya katakan bahawa pakar yang berkenaan ini tidak pun membuat laporannya kepada Kerajaan, setakat ini kita belum menerima laporan daripada pakar ini. Kita juga mengetahui ada juga orang-orang yang menganggap mereka pakar selalu pergi ke sana dan membuat kenyataan-kenyataan, dan ini juga kita tidak terima dan laporan mereka juga tidak diterima oleh Kerajaan.

Yang kedua, mengenai fail-fail yang melibatkan pentadbiran Kerajaan dan sebagainya, ini tidak pernahlah kita secara peraturan mengatakan inilah dia kita bentangkan atas meja ini untuk semua orang datang buka fail kita, kerana ia mengandungi bermacam-macam keterangan di situ yang ada melibatkan bermacam-macam perkara lain. Tetapi sekiranya pakar-pakar ini hendak datang berunding menanyakan kita, kita juga ada pakar-pakar Kerajaan yang dapat membincangkan untuk berbuat demikian. Saya rasa di dalam mana-mana peraturan pentadbiran pun kita tidak buat katakan, silalah pakar itu masuk ke setor, di sini semua ada fail-fail; duduklah di sana—tidak pernah kita buat begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 14 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).*

## TEMPAT BUANGAN SISA RADIOAKTIF

**9. Dr Koh Tsu Koon** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan pakar antarabangsa dari ICRP mengenai tempat buangan bahan sisa radioaktif di Papan. Semasa menjalankan penyiasatan, adakah beliau mencuba untuk mendapatkan maklumat dan pandangan daripada punca-punca selain daripada Kerajaan; sekiranya ya, siapakah yang telah beliau jumpa, bilakah pakar-pakar antarabangsa yang lain akan kemari, siapakah mereka ini; bilakah Kerajaan akan membuat keputusan yang muktamad mengenai perkara ini.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Sehingga hari ini Kerajaan belum lagi menerima laporan kajian yang dijalankan oleh pakar dari Lembaga Perlindungan Radiologi Kebangsaan, United Kingdom. Adalah difahamkan bahawa laporan itu telah hampir siap dan akan disampaikan kepada pihak Kerajaan bila-bila masa sahaja lagi. Semasa menjalankan penyiasatan tempoh hari, selain daripada menemui pegawai-pegawai Kerajaan, pakar berkenaan telah juga membuat perbincangan dengan kakitangan Syarikat Asian Rare Earth. (Walau bagaimanapun, beliau merasakan tidak perlu untuk berjumpa dengan pihak-pihak lain).

Sebagaimana yang termaklum, 3 orang pakar lain iaitu Encik Aladar B. Dory dari Canada, Encik Heinonen Jooma dari Finland dan Encik S. D. Soman dari India telah datang menjalankan kajian bagi pihak Agensi

Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Mereka tiba pada 15hb September lalu dan telah selesai menjalankan kajian pada 22hb September. Laporan daripada IAEA ini juga belum lagi diterima. Kerajaan akan membuat keputusan muktamad mengenai perkara ini apabila laporan-laporan daripada pakar-pakar luar negeri itu diterima dan dikaji dengan teliti dengan mengambil kira juga keputusan Jawatankuasa Teknikal yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Perak dan penerangan kepada orang ramai mengenai laporan-laporan tersebut.

#### RAKAN PERDAGANGAN JEPUN-MALAYSIA

**14. Dato Jamaluddin bin Haji Subaimi** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah harapan atau tanda-tanda bahawa Jepun boleh dijadikan rakan yang adil dalam perdagangan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Pada masa ini, Jepun adalah merupakan rakan perdagangan Malaysia kedua terbesar selepas negara-negara ASEAN. Jumlah perdagangan dua hala Malaysia-Jepun pada tahun 1983 adalah bernilai \$14,248.2 iaitu kira-kira 22.4% daripada jumlah keseluruhan perdagangan luar Malaysia.

Dilihat dari segi imbalan perdagangan, ianya adalah lebih menguntungkan Jepun. Malahan dari segi imbalan pembayaran, Malaysia juga telah mengalami kurangan sebanyak \$938 juta pada tahun 1983. Ini adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak Jepun. Mengenai corak eksport Malaysia pula, 90% daripada jumlah eksport ke Jepun terdiri dari bahan-bahan utama seperti getah, kayu-kayuan dan petroleum.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan membaiki lagi keadaan tersebut supaya lebih adil dan seimbang. Usaha-usaha galakan eksport akan diteruskan bagi meningkatkan eksport barangan Malaysia terutamanya barang-barang perkilangan. Namun begitu usaha-usaha mewujudkan keadaan lebih seimbang dalam hubungan dagangan dua hala terhad, sekiranya Jepun tidak mengambil langkah membuka pasarannya kepada barangan di mana Malaysia mempunyai kepentingan ekport. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menarik perhatian terutamanya para pekilang Malaysia supaya mengambil langkah-langkah wajar seperti mengeluarkan barangan yang bermutu dan sesuai dengan kehendak pasaran di Jepun. Ini sudah tentu boleh membantu usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan.

Kita akan berusaha mengimbangkan dagangan kita dengan Jepun dan berharap pihak Jepun akan memberi layanan yang baik terhadap eksport barangan kita.

#### PELARIAN FILIPINA

**15. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menghantar balik 200,000 pelarian-pelarian Filipina yang berada di Sabah memandangkan kepada masalah-masalah sosio-ekonomi, politik dan keselamatan mereka menimbul dan terutama sekali kira-kira 70 peratus daripada mereka adalah sebenarnya pendatang-pendatang haram.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerajaan telah membenarkan pelarian Filipina masuk ke Negeri Sabah di atas dasar peri kemanusiaan. Mereka dibenar berada di negara ini sehingga mereka merasakan keadaan di negara mereka adalah sesuai untuk mereka pulang. Dalam pada itu Kerajaan tidak menghalang mana-mana

pelarian Filipina yang dengan sendiri memilih untuk kembali ke negara asal mereka. Oleh yang demikian, penghantaran balik pelarian Filipina dari Sabah tidak timbul sama sekali.

### **PENDATANG HARAM CARI PEKERJAAN**

**16. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa bilangan buruh dari negara-negara jiran yang masuk secara haram telah semakin bertambah, apakah tindakan Kerajaan terhadap isu ini kerana ianya menjadi masalah persaingan kepada tenaga buruh tempatan dari kalangan belia-belua atas sebab-sebab berikut:

- (a) majikan lebih suka mengambil pekerja-pekerja dari luar kerana ini tiada perlu mencarum kepada Kumpulan Simpanan Wang Pekerja dan Socso;
- (b) pekerja-pekerja luar ini boleh diambil sebagai buruh kontrek dari mereka yang membawanya masuk cara haram; dan
- (c) gaji yang dibayar juga rendah.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerajaan sedar adanya pendatang-pendatang haram yang masuk ke negara ini mencari pekerjaan. Dalam hal ini Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas ke atas semua pendatang haram tanpa mengira dari negara mana dan atas tujuan apa mereka masuk. Sekiranya dikesan, mereka akan ditangkap, didakwa dan diusir keluar.

### **PELAJAR MALAYSIA YANG MEMBURUKKAN KERAJAAN**

**17. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah benar sebahagian

dari pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri telah diresapi oleh anasir-anasir radikal yang memburuk dan memomokkan Kerajaan terutama dalam tujuan hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara dan kalau benar, maka apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Kementerian Pelajaran menyedari adanya sebilangan kecil pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri yang telah diresapi oleh anasir-anasir radikal yang memburuk dan memomokkan Kerajaan terutama dalam tujuan hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Pelajar-pelajar ini bukan sahaja terdiri dari pelajar-pelajar Islam tetapi juga bukan Islam. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mengawal anasir radikal ini daripada mempengaruhi pelajar-pelajar kita di luar negeri, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah, antaranya:

- (i) Mengadakan kursus-kursus orientasi dan re-orientasi. Kursus orientasi diadakan bagi pelajar-pelajar Malaysia yang akan ke luar negeri, manakala kursus re-orientasi diadakan kepada pelajar-pelajar Malaysia yang sedang belajar di luar negeri. Mereka dipanggil khas untuk berkursus semasa kembali bercuti di tanah air.
- (ii) Memberi ceramah-ceramah kepada pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri oleh pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dari semasa ke semasa.
- (iii) Memperkemas dan meningkatkan lagi perkhidmatan Jabatan Penuntut Malaysia di seberang laut. Misalnya pegawai yang cukup dan membekalkan

risalah-risalah dan akhbar mengenai perkembangan dalam negeri.

- (iv) Mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri dengan mengadakan institusi persediaan dalam negeri.

#### **KAMPUNG BARU— PERUNTUKAN**

**18. Tuan Ng Cheng Kual** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) garis panduan untuk meluluskan peruntukan wang bagi projek-projek kecil di kampung-kampung baru;
- (b) jumlah wang peruntukan yang diluluskan bagi Negeri Perak mengikut Bahagian-bahagian Parlimen tahun 1982 dan 1983; dan
- (c) jumlah wang peruntukan yang diluluskan untuk kawasan Parlimen Muar bagi tempoh 1-10-1979 hingga 31-8-1984.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):**

- (a) Peruntukan wang bagi projek-projek kecil di kampung-kampung baru adalah berdasarkan kepada keperluan-keperluan dan kepentingan setempat dan semasa. Semasa mempertimbangkan sesuatu permohonan bagi projek yang berkaitan, Kementerian saya juga memastikan bahawa projek-projek yang diluluskan akan memberi faedah yang maksima kepada masyarakat kampung baru tersebut.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi projek-projek kecil di kampung-kampung baru tidak

diagihkan berdasarkan kawasan-kawasan Parlimen, Peruntukan adalah diberi mengikut keutamaan dan keperluan semasa dan kepentingan projek tersebut kepada masyarakat kampung baru setempat. Oleh yang demikian, Kementerian saya tidak mempunyai rekod pembahagian peruntukan mengikut kawasan-kawasan Parlimen. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang telah disalurkan untuk pembangunan kampung-kampung baru di Perak pada tahun 1982 adalah sebanyak \$1.1 juta dan bagi tahun 1983 ialah sebanyak \$0.5 juta.

- (c) Sepertimana saya sebutkan tadi, peruntukan bagi projek-projek kecil di kampung-kampung baru diberi berdasarkan keperluan-keperluan dan kepentingan kampung baru masing-masing dan tidak mengikut kawasan-kawasan Parlimen.

#### **FELDA—PENEROKA YANG DISINGKIRKAN**

**19. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menyatakan bilangan peneroka FELDA yang telah dilucut daripada skim FELDA serta sebab-sebab perlucutan tersebut, bilangan peneroka yang telah dilucutkan kerana menentang Kerajaan pada pilihanraya yang terakhir; dan menyatakan sama ada kesetiaan penuh yang tidak menyoal terhadap Kerajaan dan dasar-dasarnya adalah syarat untuk berterus menyertai projek pembangunan FELDA. Adakah Kerajaan bercadang mengambil balik mereka yang telah dipecat. Jika ya, apakah syarat-syaratnya.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):** Sehingga ini seramai 3,730 peneroka telah disingkirkan dari rancangan FELDA. Ini merupakan 4.3% daripada jumlah peneroka yang seramai 85,814 keluarga. Dari jumlah tersebut sejumlah 3,608 telah disingkir kerana meninggalkan rancangan dengan kehendak mereka sendiri tanpa kebenaran Tadbiran Rancangan. Seramai 122 lagi telah disingkirkan kerana melakukan kesalahan-kesalahan yang bertentangan dengan syarat-syarat penempatan peneroka FELDA. Ini termasuklah peneroka-peneroka yang dianggap sebagai "menentang dasar Kerajaan".

Kerajaan akan meneruskan peraturan-peraturan yang berjalan sekarang dalam soal pengambilan peneroka-peneroka di mana calon-calon yang ingin menyertai rancangan FELDA adalah ditemuduga terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Temuduga yang dianggotai oleh Wakil Rakyat Kawasan, Pegawai Daerah dan Pegawai FELDA di mana rancangan tersebut didapati. Semasa temuduga, calon-calon disoal selidik untuk menentukan supaya mereka yang berjaya adalah terdiri dari golongan yang layak dari segi syarat-syarat yang telah ditentukan, sesuai dari segi fizikal dan semangat sebagai seorang peneroka.

Nama mereka yang berjaya akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan pandangan dan kemudian akan dipelawa masuk ke rancangan. Bagi mereka yang telah disingkirkan dari skim FELDA, penerimaan mereka semula adalah bergantung kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dan diamalkan sekarang.

Peneroka-peneroka yang telah disingkir dari rancangan bolehlah merayu kepada Tadbiran FELDA untuk masuk semula ke rancangan.

Rayuan tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Peneroka FELDA untuk diberikan pertimbangan yang teliti berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan oleh peneroka berkenaan. Hanya rayuan peneroka yang diluluskan oleh Jawatankuasa Tatatertib Peneroka sahaja yang akan diterima masuk semula ke rancangan.

### **BAHASA MALAYSIA— PERLAKSANAAN DASAR**

**20. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kabinet meluluskan kenyataan am Menteri Pertanian pada 12hb September, 1984 di Kuala Lumpur, iaitu tidak boleh dibuat kompromi dalam hal pelaksanaan dasar Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bukan rasmi dalam hal membentuk bahasa itu sebagai bahasa pengetahuan dan kebudayaan.

**Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohammed:** Kenyataan oleh Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim pada 12hb September, 1984 itu dibuat atas kapasitinya sebagai Pengerusi Biro Kebudayaan UMNO Malaysia. Oleh itu soal sama ada kenyataan tersebut diluluskan oleh Jemaah Menteri atau sebaliknya tidak timbul.

### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18**

#### **Kejian atas Kaum India**

*4.05 ptg.*

**Tuan Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), minta izin

untuk mencadangkan penangguhan Dewan yang mulia ini untuk menimbang usul saya yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Tetap 18 (1) membenarkan Yang Berhormat Tuan Karpal Singh mencadang usul menangguhkan Dewan ini untuk membincangkan perkara tertentu yang segera bagi kepentingan orang ramai iaitu kenyataan berskandal, menghina dan ulangi-ulangi dituju kepada kaum India, khasnya kata-kata dalam muka surat 9, “Kesusasteraan Melayu Klasik (tumpuan kepada prosa),”—saya quote, Tuan Speaker—“Mengenai kejadian manusia sendiri misalnya, ada berbagai-bagai asal usulnya. Setengahnya kadang-kadang lucu dan menggelikan hati. Misalnya ada setengah orang mempercayai kononnya orang India (Keling) itu adalah berasal dari tahi Nabi Allah Adam. Itulah sebabnya mereka hitam-hitam (*Ketawa*)”.

Ini perkara serius, jangan main-main. (*Disampuk*) Apa yang ada dalam buku ini, Tuan Speaker, satu skandal besar jikalau Tuan Speaker mahu baca, boleh baca.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya teruskan. Bahawa Dewan ini berpuas perkara ini ialah perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dengan hal—

- (1) Penghinaan perkauman diutuskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dalam Dewan ini:

“Hari ini Wakil dari Kepong pula bangkit mencabar kita, bercakap belit-belit macam ular. Sebab itu orang dahulu

kata kalau kita jumpa ular dengan India, kita pukul India.”

Pada 24hb Julai, 1984, Tuan Speaker, tiada hukuman oleh Dewan ini ataupun Pendakwa Raya sungguhpun kata-kata itu corak berhasut dan juga galakan kemusuhan antara kaum Melayu dan kaum India di dalam negeri ini, dan dengan sebab ini menjadi satu kesalahan di bawah peruntukan seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948, Tuan Speaker, dan sungguhpun satu laporan polis dibuat oleh saya (Laporan Polis Sentul No. 8578/84) pada 27hb Julai, 1984 mengenai perkara itu.

- (2) Tiga orang murid kaum India di sekolah rendah telah dihina dengan kata-kata perkauman dalam bulan September tahun ini di Pandamaran;
- (3) Kata-kata hasutan dan buruk mengenai asal usul orang-orang India dalam “Kesusasteraan Melayu (tumpuan prosa)” telah pun disemak oleh Kementerian Pelajaran. Arahan Pemangku Menteri Pelajaran semalam iaitu penerbit buku itu mencabut petikan (muka surat) mengandungi perkataan-perkataan buruk, bukanlah, Tuan Speaker, reaksi diharap dari Kerajaan memandang kepada hal betapa sirius perkara berdosa dikenakan kepada kaum India;
- (4) Perkara tersebut telah menjadi teruk dan Dewan ini harusnya dengan terus meneruskan memutuskan menolak kejian kauman atas kaum India dan syorkan tindak balas supaya mengelak mengulang-ulangi perkara-perkara dirujuk di sini berlaku lagi.”

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mendengar satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Jelutong. Beliau telah meminta keizinan untuk dibincangkan perkara ini sebagai satu perkara yang tertentu bagi kepentingan orang ramai yang bekehendakkan disegerakan.

Setelah saya meneliti bunyi usul-usulnya dan telah pun saya membaca apa yang telah dikatakannya sendiri iaitu telah pun ada satu arahan Pemangku Menteri Pelajaran dan memandang kepada tindakan-tindakan yang telah diambil olehnya maka pada pendapat saya perkara ini tidaklah mustahak disegerakan. Oleh kerana itu, saya menolak usul Yang Berhormat dari Jelutong itu (*Tepuk*).

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Kehakiman; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SABAH) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu akta bagi meminda Ordinan Peguambela (Sabah); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SARAWAK) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Peguambela (Sarawak); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai tahanan, pencegahan orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan, atau terlibat dengan pengedaran dadah berbahaya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG KUASA JENAYAH) (PINDAAN)**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Oktober, 1984).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mempersilakan Timbalan Menteri menjawab.

#### 4.13 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat dari Rantau Panjang yang telah menyatakan sokongannya kepada cadangan Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan tentang satu persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tersebut mengenai dengan penggunaan beberapa ayat Al-Quranulkarim mengenai dengan isu kafir mengkafir sebagaimana yang disebutkan oleh beliau iaitu ayat-ayat yang berkaitan dalam surah Al-Ma'idah daripada Ayat 44 hingga Ayat 47. Tentulah mereka yang telah menggunakan Ayat-ayat tersebut menggunakannya dengan satu motif yang tertentu kerana kalau kita tinjau dan kita kaji dengan teliti apa yang sebenarnya berlaku dalam perkembangan pemikiran Islam, kita dapati pentafsiran-pentafsiran yang salah telah dibuat oleh mereka yang mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu kerana bila kita melihat pendapat yang diberikan oleh seorang yang bernama Ikrimah iaitu seorang Tabi'in yang telah menerangkan bahawa maksud daripada Ayat-ayat tersebut tidak boleh diapply, dengan izin, kepada orang-orang yang tidak mengubah akidahnya tetapi malangnya ada satu golongan atau beberapa golongan, atau beberapa kumpulan yang bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga di luar negeri yang mempunyai maksud yang tidak sihat kepada masyarakat Islam, mereka telah menonjolkan dan memperbesar-besarkan pentafsiran yang menunjukkan bahawa Ayat ini

dimaksudkan dengan kekafiran orang-orang yang tidak menjalankan hukum Allah.

Kita teliti dan kita mengkaji dan mendapati bahawa Ayat-ayat tersebut diturunkan secara khusus di atas kejadian-kejadian yang tertentu yang telah berlaku pada satu zaman dan kita dapati mereka yang tidak mengubah akidahnya tidak terjejas dan tidak dimaksudkan dengan Ayat ini. Walaupun dikatakan bahawa sesiapa yang tidak menghukum sebagaimana yang diertikan daripada Ayat-ayat tersebut, sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itu dimasukkan ke dalam golongan kafir, fasik dan zalim; sebenarnya adalah dikhususkan kepada golongan-golongan yang tertentu pada masa itu, kerana beberapa kejadian telah berlaku pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan kumpulan itulah yang dimaksudkan. Oleh kerana itu kita perlulah merasa yakin bahawa selagi kita tidak mengubah akidah, tidak mengubah keyakinan kita kepada Allah, maka orang itu masih dianggap Mukmin dan Muslim.

Tuan Yang di-Pertua, Islam dalam konteks ini telah memberi amaran supaya tidak mempermain-mainkan Ayat yang seperti ini kerana bahayanya sangat besar dan ia boleh dianggap sebagai membawa fitnah ke dalam masyarakat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ingin tahu sama ada Undang-undang Jenayah Islam ini akan menggantikan Undang-undang Jenayah Mahkamah Sivil. Kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, suka saya memaklumkan bahawa jawapannya ialah tidak, kerana berpandukan kepada Akta ini, ianya terikat berkaitan dengan peruntukan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak. Ini bermakna ianya hanya akan memutuskan kes-kes yang

ada disebut di dalam kajiannya untuk memperluaskan kes-kes yang disebut di dalam Enakmen ini, misalnya, kes-kes jenayah yang lain seperti mencuri dan rogol.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jerai supaya diadakan satu Jawatankuasa Khas bagi menyemak perundangan Islam untuk diubahsuai dengan kehendak Islam dan keadaan pada masa kini, suka dimaklumkan bahawa perkara ini sememangnya di dalam kajian dan di dalam pertimbangan Kerajaan. Sebagai contoh, suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Jerai dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kepada masalah pentadbiran zakat di Malaysia yang mana dalam perkara ini Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pentadbiran Zakat, peringkat Kebangsaan dan keputusan yang dicapai nanti akan dilaksanakan di seluruh negeri di Malaysia dengan restu Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sementara itu Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah juga menarik perhatian Dewan atas kebimbangannya berhubung dengan perpecahan umat Islam di Malaysia pada masa sekarang dan telah memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengambil daya usaha untuk menyatupadukan umat Islam di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini tugas menyatupadukan umat Islam di Malaysia adalah tugas bersama. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang positif untuk menyatupadukan umat Islam di Malaysia, misalnya melalui Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Majlis Muzakarah, Jawatankuasa Fatwa, Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Negeri-negeri Malaysia

dan juga melalui perjumpaan Kadi-kadi Besar seluruh Malaysia. Dengan adanya majlis-majlis seperti ini di atas inisiatif Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, maka diharapkan pentadbiran agama Islam di negeri-negeri dalam Malaysia akan dapat diselaraskan dan umat Islam di Malaysia dapat disatupadukan.

Rancangan penerapan nilai-nilai Islam juga akan menjadi satu jambatan untuk menyatupadukan umat Islam khususnya dan juga umat Malaysia amnya kerana dasar-dasar yang terdapat dalam rancangan penerapan nilai-nilai Islam ini didapati beberapa unsur yang mudah diterima oleh semua pihak kerana ia didasarkan kepada 4 prinsip, iaitu:

- (1) Nilai-nilai yang bersifat universal (universalism);
- (2) Nilai-nilai yang bersifat mudah (simplicity);
- (3) Nilai-nilai yang didasarkan kepada kepentingan awam (common interest); dan
- (4) Nilai-nilai yang berdasarkan kepada keadilan (justice).

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus ingin tahu di manakah kedudukan Mahkamah Syariah dan apakah bidang-bidang kuasa yang ada padanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Mahkamah Syariah diletakkan di bawah bidang kuasa Jabatan Uagama Islam Negeri-negeri. Hakim-hakim Syariai telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di atas skim Perkhidmatan Tadbir Hal Ehwal Uagama Islam atau Pegawai Pentadbir Uagama Islam Negeri-negeri. Keadaan ini memanglah berbeza dengan perlantikan Peguam-peguam Mahkamah Sivil yang mana mereka dilantik oleh satu Suruhanjaya Khas iaitu Suruhanjaya Kehakiman. Hakim-hakim di Mahkamah Sivil

adalah bebas. Dalam penyusunan semula yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan, Mahkamah Syariah akan diwujudkan di Negeri-negeri, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan akan diwujudkan di peringkat Persekutuan. Berhubung dengan urusan lantikan Hakim-hakim Mahkamah Syariah masih lagi dalam peringkat kajian supaya ianya selaras di seluruh negeri dalam Malaysia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah mencadangkan supaya Kerajaan mewujudkan satu skim perkhidmatan polis atau pasukan adab atau polis adab bagi membantu perjalanan Mahkamah Syariah. Dalam perkara ini saya suka saya menjelaskan kepada Dewan bahawa polis akhlak atau polis adab ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya telah sedia ada, cuma yang berbeza hanya pada nama sahaja tetapi sama pada tugas dan tanggungjawab. Mereka itu kini dipanggil Pencegah Maksiat. Beberapa nama yang lain telah pun dicadangkan dengan menubuhkan pasukan ini di bawah beberapa unit. Unit-unit yang pernah disebut sesuai dengan apa yang berlaku dalam sejarah perkembangan Islam sendiri ialah seperti unit al-hisbah, unit an-nahi wal-munkar dan unit al-amru bil makruf. Walau bagaimanapun Kerajaan sedang meneliti akan fungsi dan bidang kuasa Pegawai Pencegah Maksiat ini sesuai dengan taraf Hakim Syariai dan Mahkamah Syariah yang sedang disusun semula.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh ada menyebutkan bahawa Undang-undang Islam adalah berat. Suka saya menjelaskan bahawa istilah yang paling sesuai sekali digunakan ialah Undang-undang Islam ini adalah wajar kerana perkataan berat itu sebenarnya boleh ditafsirkan dengan makna yang mungkin menjelaskan kedudukan

hukum Islam sendiri. Kewajaran hukum yang terdapat dalam Islam adalah dengan tujuan untuk memelihara kepentingan umat dan mengelak daripada kejadian-kejadian yang tidak dikehendaki berlaku berleluasa di dalam masyarakat. Maka sebab itulah bila kita teliti dan kita kaji, kita dapat kuasa menjatuhkan hukuman bagaimana yang telah pernah kita dengar adalah merupakan kuasa yang mesti dijalankan dengan teliti dan telah saya tegaskan bahawa mengikut ajaran Islam khususnya mengenai dengan pelaksanaan hukum-hukum yang berkaitan dengan undang-undang jenayah adalah merupakan perkara yang mesti dihalusi dan mesti diyakini terlebih dahulu supaya mereka yang terlibat dalam menjalankan tugas itu tidak menyalahgunakan kuasa. Maka sebab itulah pada masa ini pihak Kerajaan sedang merancang berbagai-bagai program untuk memantap kemampuan mereka yang akan diberi tugas menjalankan tugas-tugas tersebut.

Saya kira saya telah menjawab dan menerangkan semua persoalan yang telah timbul. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 *ptg.*

**Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Akta Kerja (Pindaan) 1984 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta Kerja 1955 merupakan perundangan asas dalam bidang piawaian buruh dan perlindungan kepada pekerja-pekerja di sektor swasta sama ada berkesatuan atau tidak. Ia menetapkan syarat-syarat pekerjaan yang minima bagi pekerja-pekerja dan melindungi mereka dalam perkara-perkara seperti bayaran gaji, waktu bekerja, kerja malam, hari-hari rehat mingguan, cuti tahunan, cuti sakit, hari-hari kelepasan, faedah bersalin, faedah penamatan dan renti kerja sementara dan lain-lain.

Pekerja-pekerja yang berkesatuan boleh menikmati faedah-faedah yang lebih baik daripada piawaian-piawaian minima yang diperuntukkan dalam Akta melalui perjanjian bersama dalam setiap perusahaan atau tempat pekerjaan. Tetapi pekerja-pekerja yang tidak berkesatuan yang masih lagi merupakan sebahagian besar daripada tenaga kerja negara kita adalah bergantung kepada piawaian dan perlindungan yang telah

dikuatkuasakan oleh Kerajaan menerusi undang-undang untuk kebajikan mereka.

Kerajaan sentiasa menyedari tanggungjawabnya terhadap pekerja-pekerja dan akan terus bertindak untuk membaiki piawaian dan perlindungan tersebut sejajar dengan kehendak pembangunan dan juga perkembangan sosio-ekonomi negara.

Justeru itu Rang Undang-undang ini mencadangkan pindaan kepada dua peruntukan penting dalam Akta Kerja 1955 iaitu had elaun bersalin untuk pekerja-pekerja wanita dalam sektor swasta dan liputan akta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perlindungan bersalin. Sebelum 1hb Jun, 1984 pekerja-pekerja wanita dalam sektor awam layak mendapat cuti bersalin dengan bergaji sehingga maksima 42 hari sahaja sebanyak tiga kali dalam tempoh perkhidmatan mereka. Bagi kelahiran kali keempat dan berikutnya mereka tidak layak mendapat cuti bersalin bergaji tetapi mereka boleh memohon cuti rehat atau cuti tanpa gaji.

Mulai daripada 1hb Jun tahun ini perkelayakan cuti bersalin telah dinaikkan daripada tiga kali kepada lima kali selaras dengan dasar sekarang mengenai penduduk. Dalam sektor swasta, seseorang pekerja wanita adalah berhak mendapat cuti bersalin tidak kurang daripada 60 hari setiap kali bersalin di bawah perenggan (a) seksyen kecil (1) kepada Seksyen 37 Akta Kerja 1955. Akan tetapi di bawah perenggan (c) seksyen (1) kepada Seksyen yang sama pekerja itu tidak berhak mendapat sebarang elaun bersalin, jika pada masa bersalin dia mempunyai tiga orang anak yang hidup atau lebih. Dalam lain perkataan untuk mendapatkan hak elaun bersalin dia hendaklah mempunyai dua orang anak yang hidup atau kurang pada masa bersalin.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut memohon untuk meminda perenggan (c) seksyen kecil (1) kepada Seksyen 37 bagi membenarkan seseorang pekerja wanita mendapat hak elaun bersalin jika dia mempunyai sehingga empat orang anak yang hidup pada masa dia bersalin. Ini bermakna dia tidak akan berhak mendapat elaun bersalin jika pada masa dia bersalin sudah mempunyai lima orang anak yang hidup atau lebih. Ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan sekarang mengenai penduduk dan juga selaras dengan keputusan Kerajaan baru-baru ini menaikkan kelayakan cuti bersalin untuk pekerja-pekerja wanita dalam perkhidmatan Kerajaan daripada tiga kali kepada lima kali dalam tempoh perkhidmatan mereka. Pindaan ini akan memberi perlindungan bersalin yang bertambah kepada pekerja-pekerja wanita dalam sektor swasta supaya mereka akan berhak mendapat elaun bersalin untuk dua kali bersalin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi liputan Akta. Akta Kerja 1955 meliputi orang-orang yang bergaji dalam kerja buruh kasar tidak mengira gaji mereka. Walau bagaimanapun dalam kes orang-orang yang tidak digaji dalam kerja buruh kasar, hanya mereka yang gajinya tidak melebihi \$750 sebulan diliputi oleh Akta. Had gaji tertinggi sebanyak \$750 sebulan ini bagi pekerja-pekerja bukan buruh kasar telah ditetapkan sejak 1hb Januari, 1977. Dengan kenaikan kadar gaji tahun demi tahun sejak tahun 1977 banyak pekerja bukan buruh kasar telah terkeluar daripada skop Akta ini, kerana gaji mereka melebihi sekatan \$750 yang dihadkan.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini memohon untuk meminda perenggan (1) kepada Jadual Pertama Akta ini bagi menaikkan liputan Akta ini

daripada \$750 sebulan kepada \$1,000 sebulan bagi pekerja-pekerja bukan buruh kasar dalam sektor swasta.

Dengan kenaikan sekatan \$1,000 pekerja-pekerja tersebut yang telah terkeluar daripada skop Akta ini akan dibawa kembali ke dalam bidang kuasa dan perlindungan Akta ini. Kenaikan yang dicadangkan ini adalah juga sejajar dengan kenaikan sekatan gaji dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dan merupakan langkah ke arah keseragaman dalam liputan di bawah semua Undang-undang Buruh.

Adalah dianggarkan bahawa dengan pindaan ini tambahan sebanyak 100,000 orang pekerja bukan buruh kasar akan menikmati faedah-faedah dan perlindungan-perindungan yang disediakan oleh Akta ini. Pada masa ini adalah dianggarkan Akta tersebut meliputi seramai 1,300,000 orang pekerja dalam sektor swasta yang bekerja di bawah kontrak perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua pindaan dalam Akta ini telah dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan yang diadakan pada 24hb Ogos tahun ini dan telah mendapat persetujuan kedua-dua pihak majikan dan pekerja.

Melalui Rang Undang-undang ini Kerajaan sekali lagi melaksanakan kewajibannya untuk membaiki kebajikan pekerja sejajar dengan perkembangan semasa.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) dibaca kali

kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.36 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Akta Kerja 1955. Bagi pendapat saya adalah sangat wajar. Akta ini telah membahagikan dua kategori pekerja iaitu pekerja-pekerja buruh kasar dan pekerja-pekerja yang bukan buruh kasar.

Pada tahun 1957 pekerja-pekerja buruh kasar tidak dikira gaji mereka iaitu tidak ada had untuk mendapat perlindungan di bawah Akta tersebut. Manakala pekerja-pekerja bukan buruh kasar mestilah bergaji tidak melebihi \$400 sebulan untuk mendapat perlindungan di bawah Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini khususnya adalah untuk memberi perlindungan bagi orang-orang yang bekerja di dalam sektor swasta di bawah kontrak perkhidmatan. Kemudian pada tahun 1967 Kerajaan telah meminda undang-undang tersebut untuk memperluaskan liputan pekerja bukan buruh kasar. Gajinya tidak melebihi \$500 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah juga menyedari tentang inflasi di mana nilai matawang ringgit menjadi lebih kecil meminda sekali lagi undang-undang tersebut pada tahun 1977 untuk menaikkan sekatan gaji bagi pekerja-pekerja bukan buruh kasar kepada \$750 sebulan. Pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk menaikkan liputan bagi pekerja-pekerja bukan buruh kasar kepada \$1,000 sebulan. Dengan pindaan ini, saya percaya lebih ramai pekerja bukan buruh kasar akan diliputi oleh Akta ini. Tuan Yang di-Pertua, kenaikan ini saya percaya

adalah juga sejajar dengan kenaikan dalam sukatan gaji dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sentiasa mengambil berat terutama sekali tentang golongan rakyat yang berpendapatan rendah supaya kepentingan mereka dilindungi oleh undang-undang tertentu. Pindaan-pindaan yang dibuat ini dari masa ke semasa adalah bertujuan untuk memperbaiki lagi keadaan hidup golongan orang-orang yang berpendapatan rendah mengikut pertimbangan pihak Kerajaan dan juga kemampuan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa banyakkah pekerja-pekerja akan menerima faedah dari pindaan ini dan saya juga ingin tahu kenapakah pihak Kerajaan telah menghadkan \$1,000 kepada pekerja-pekerja bukan buruh kasar, tidakkah lebih baik sekiranya sekatan sedemikian dihapuskan sama sekali. Sebagai contoh saya percaya beberapa orang pekerja yang bekerja di hotel-hotel sebagai Penyelia mendapat gaji lebih daripada \$1,000 sebulan, maka dengan ini Akta tersebut tidak akan melindungi kepentingan mereka.

Saya harap dan ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengkaji semula dan meneliti kesan-kesan sekiranya tidak ada had, seperti yang telah diadakan di dalam pindaan ini, dimansuhkan bagi pindaan-pindaan yang mungkin dibuat di masa hadapan. Apa yang saya maksudkan di sini jangan jadikan \$1,000 ini sebagai had yang telah ditetapkan menurut pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan yang menitik berat berkenaan dengan hal wanita.

Pada masa yang lampau sebelum tahun 1977, wanita yang bekerja dalam sektor swasta berhak kepada elaun bersalin tidak mengira bilangan

anak yang dilahirkan, kemudian pada tahun 1977 undang-undang tersebut telah dipinda dengan memasukkan seksyen 37 (1) (c) di mana seseorang pekerja wanita dari sektor swasta tidak berhak mendapat elaun bersalin jika dia mempunyai tiga atau lebih anak pada masa bersalin. Ini bermakna seorang pekerja itu akan layak mendapat elaun bersalin untuk dua orang anak sahaja pada masa bersalin.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan polisi Kerajaan telah berubah di mana Kerajaan telah menggalakkan lebih ramai penduduk di Malaysia sehingga 70 juta pada masa yang akan datang, saya percaya dengan pindaan ini akan meringankan beban bagi wanita-wanita atau ibu-ibu yang ingin mempunyai lebih anak kerana elaun bersalin telah dinaikkan kepada 5 orang anak. Walau bagaimanapun setiap keluarga patutlah mengukur kemampuan dan pendapatan keluarga itu sendiri sebelum bercadang untuk mempunyai keluarga yang lebih besar, bak kata pepatah: Ukur baju di badan sendiri, dan lagi satu; berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

Saya harap dengan pindaan ini juga pihak tertentu terutama sekali Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara memainkan peranan yang penting, yang lebih berkesan lagi untuk memberi nasihat dan penerangan yang secukupnya terutama kepada keluarga-keluarga di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan juga sedar bahawa negara kita memerlukan lebih banyak lagi tenaga pekerja untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi seperti perindustrian, perladangan, perlombongan, pertanian dan perikanan dan lain-lain lagi.

Saya percaya matlamat Kerajaan adalah untuk menambahkan lagi penglibatan rakyat tempatan di dalam sektor-sektor tersebut dan mengurangkan pergantungan rakyat asing di negara ini. Maka dengan ini saya menyokong pindaan ini dan mengalu-alukan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

4.47 ptg.

**Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan).

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta Kerja 1955 itu dipinda sekali lagi. Pindaan yang terakhir yang pernah dibahas dalam Dewan yang mulia ini adalah pada tahun 1980. Pada tahun itu beberapa pindaan telah diluluskan, dengan pindaan itu beberapa organisasi buruh telah menyerahkan tentangan mereka terhadap pindaan yang telah dicadangkan. Mereka mengkhawatiri bahawa pindaan 1980 jika diluluskan akan membawa kesan buruk terhadap suasana buruh dan perhubungan perindustrian negara, akan tetapi masa telah membuktikan bahawa tahun 1980 adalah dilakukan demi kebaikan suasana buruh dan kehendak pembangunan negara. Beberapa tahun yang telah lalu Kesatuan-kesatuan Sekerja, Kesatuan-kesatuan Majikan kita serta pelabur-pelabur masih dapat meneruskan kegiatan-kegiatan mereka masing-masing dan terus mencapai prestasi yang menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peralihan masa dan perubahan zaman peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang yang dirangkakan beberapa tahun dahulu perlu dipinda. Ini adalah satu pendekatan yang

positif di mana Kerajaan membuat peraturan-peraturan yang sesuai bagi kehendak zaman semasa.

Pada masa ini kita sedang membahas tentang cadangan pihak Kerajaan meminda Akta Kerja. Cadangan pihak Kerajaan ini telah pun diberi liputan, siaran akhbar dan televisyen, akan tetapi saya belum pernah membaca tentangan mana-mana pihak terhadap pindaan yang dicadangkan, dengan ini saya boleh menganggap bahawa cadangan yang sedang kita bahas mendapat sokongan daripada setiap genap lapisan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang termaktub dalam Rang Undang-undang Akta Kerja (Pindaan) 1984 adalah baik, dan saya memberi sokongan penuh terhadapnya, akan tetapi saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk membangkitkan satu dua perkara yang berkaitan dengan Akta Kerja 1955.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan 8, Faedah Penamatan Kerja dan Pemberhentian Sementara Kerja (Regulation 8, Lay-off and Termination Benefit). Peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Peraturan 8 ini adalah baik dari sisi undang-undang. Semangat peraturan ini adalah semata-mata lagi menjaga kepentingan pekerja-pekerja sekiranya mereka menghadapi masalah-masalah yang berkaitan dengan penamatan kerja dan pemberhentian kerja sementara. Peraturan 8 memperuntukkan syarat-syarat yang berkehendak terhadap lanjutan kerja pekerja-pekerja sekiranya berlaku pemindahan milik syarikat-syarikat ataupun penutupan syarikat-syarikat. Peraturan 8 ini jelas menghuraikan faedah-faedah yang layak diterima oleh pekerja-pekerja dalam keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan Peraturan 8 ini hanya memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja apabila mereka menghadapi masalah yang berkaitan. Perlindungan di sisi undang-undang adalah penting, akan tetapi perlindungan di sisi undang-undang tidak dapat menjamin kebajikan pekerja-pekerja sekiranya mereka menghadapi masalah-masalah yang berkaitan dengan penamatan kerja ataupun pemberhentian kerja sementara.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, seorang yang bekerja di dalam sebuah syarikat selama 20 tahun layak menerima faedah penamatan kerja seperti yang dihuraikan dalam Peraturan 8 sekiranya syarikat tersebut tidak dapat lagi meneruskan urusniaganya. Apa yang saya ingin soalkan di dalam Dewan yang mulia ini adalah sama ada pekerja tersebut akan dapat menikmati faedah penamatan kerja sekiranya syarikat yang tersebut menjadi bankrap, siapakah akan membayar faedah penamatan kerja kepada pekerja tersebut dalam keadaan itu? Memang, sungguhpun pekerja tersebut boleh mengambil tindakan mahkamah terhadap bekas majikannya, akan tetapi dalam keadaan di mana majikannya menjadi bankrap, sudah tentu sekiranya tindakan mahkamah diambil yang memang akan menjadi arang dan yang kalah akan menjadi abu, tidak ada satu pihak pun yang akan memperolehi faedah. Kebajikan pekerja tersebut yang menjadi satu masalah.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan menubuhkan satu yayasan bagi menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan penukaran milik syarikat serta masalah-masalah penamatan kerja dan pemberhentian kerja. Pihak Kerajaan boleh mengenakan caruman bulanan daripada majikan bagi

membayai yayasan ini. Yayasan ini akan menguruskan segala hal yang berkaitan dengan penamatan kerja dan pemberhentian sementara serta membayarkan segala faedah yang perlu dibayar. Secara ini kita dapat menentukan bahawa kebajikan serta kepentingan pekerja-pekerja yang telah lama berkhidmat di sesebuah syarikat dapat dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sokong Rang Undang-undang Akta Kerja (Pindaan) 1984.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Seremban.

4.57 *ptg.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit di atas Rang Undang-undang Kerja (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kerja adalah bertujuan melindungi dan menjamin hak-hak para pekerja dan pindaan-pindaan kepada Akta tersebut hendaklah mempunyai tujuan yang sama. Kita di sini semua tahu pindaan ini timbul oleh sebab Kerajaan hendak dapat satu matlamat, dapat population 70 billion dan di sini kita ada nampak dua pindaan. Satu, bercadang menaikkan had maksima upah supaya membolehkan pekerja-pekerja berada di bawah bidang kuasa Akta tersebut serta menikmati faedah-faedah dan perlindungan 'Akta tersebut. Ini adalah wajar kerana upah pada umumnya telah menambah sejajar dengan trend-trend inflasi. Dahulu silingnya adalah \$750 sebulan, tetapi kini siling tersebut akan dinaikkan kepada \$1,000.

Cadangan-cadangan atau pindaan lain bertujuan membolehkan seorang pekerja wanita menuntut elaan bersalin dan cuti bersalin sehingga ke anak yang kelima. Sekali pandang ini ialah hadiah kepada pekerja-pekerja

yang menerima gaji sehingga \$1,000 sebulan dan Kerajaan telah membuat pindaan ini kerana Kerajaan sekarang mahu ibu-ibu melahirkan lebih ramai anak-anak untuk meningkatkan jumlah penduduk untuk memenuhi sasaran 70 juta menjelang tahun 2100. Atas kertas cadangan kelihatan begitu menarik dan mencerminkan sebuah Kerajaan, tetapi pada hakikatnya ini tidaklah benar. Tanpa menghiraukan tujuan Kerajaan untuk menambahkan saiz keluarga, soal yang timbul ialah sama ada sesuatu keluarga purata di negara ini mahukan keluarga yang besar. Gambaran tentang apa yang difikirkan oleh seorang ibu moden atau seorang bakal ibu mengenai idea yang tersebut dapat dilihat daripada penolakan bulat cadangan Menteri Perusahaan Awam yang menyuarakan bahawa wanita Malaysia harus bernikah awal selepas sekolah tinggi supaya dapat melahirkan anak-anak yang ramai serta mematuhi dasar Kerajaan mengenai penduduk.

Satu tinjauan yang dilakukan di kalangan wanita berbagai umur dan dari segenap lapisan masyarakat telah menunjukkan bahawa mereka lebih suka berkahwin apabila menjangkau umur pertengahan 20an dan bukan semasa belasan tahun atau "teenage", dan mereka ingin mempunyai 2 atau 3 anak sahaja.

Bagi mereka, pepatah, dengan izin: "cheaper by the dozen" adalah mengerikan. Tidak benar memandangkan bahawa kos hidup adalah tinggi zaman sekarang. Kerajaan mungkin mengharap boleh dapat sokongan dan persetujuan kalangan berpendapatan rendah di mana seorang pekerja membawa balik gaji kurang dari \$1,000 sebulan di mana mereka ini adalah dilindungi oleh Akta ini tetapi di sini juga terdapat penentangan kerana mass-media seperti TV, radio dan surat khabar-surat khabar telah menaikkan taraf pelajaran serta pengharapan

(expectations) agar mendapat satu cara hidup yang lebih baik bagi mereka dan anak-anak mereka.

Tuan Speaker, taraf hidup (standard of living) akan dikurangkan dengan adanya sebuah keluarga yang besar di mana terdapat lima orang anak yang perlu diberi makan, pakaian, pelajaran dan lain-lain. Dasar Kerajaan sekian lama ini adalah untuk menaikkan taraf hidup rakyat tetapi pindaan ini bagi membolehkan sesuatu keluarga mempunyai lima orang anak adalah bertentangan dengan dasar tersebut.

Mungkin keluarga-keluarga yang kaya mampu mempunyai lima orang anak sekiranya kita anggap ibu-ibu moden sanggup mempunyai lima orang anak. Tetapi bolehkah sesuatu keluarga yang menerima pendapatan kurang dari \$1,000 sebulan mampu mempunyai lima orang anak dan hidup dengan sempurna? Boleh sekiranya Kerajaan mahu melihat kanak-kanak yang separuh lapar (half starved), rumah-rumah yang buruk rupanya dan ibu bapa-ibu bapa yang sedih yang tidak mampu menghantar anak mereka yang mempunyai bakat menerima pelajaran tinggi.

Kualiti hidup satu polisi dan tujuan yang kerap kali ditegaskan dalam Rancangan Malaysia Keempat nampaknya telah diketepikan. Masalah kemiskinan telah bertambah buruk sebelum dasar baru mengenai penduduk diumumkan dan hakikat ini telah diakui oleh Unit Sosio-Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Mengikut unit tersebut lebih 40% isi rumah di Malaysia hidup di bawah garisan kemiskinan. Dengan sebuah keluarga yang mengandungi lima anak sudah pasti peratus isi rumah yang miskin akan bertambah. Rang Undang-undang ini yang bertujuan meminda Akta Kerja 1955 akan menjejaskan kepentingan orang-orang miskin di negara ini dengan mengurangkan taraf hidup mereka yang sudah pun rendah.

Ia juga akan menafikan ibu bapa-ibu bapa dan kanak-kanak miskin hak untuk mendapat makanan yang baik dan kualiti hidup yang tinggi. Ia adalah sesuatu perbuatan anti rakyat.

Tuan Speaker, pindaan adalah anti hak-hak fanatik wanita juga. Wanita Malaysia seperti wanita-wanita di lain negara menuntut keadilan dan hak yang sama. Mereka mahu gaji yang sama untuk kerja yang sama dan peluang yang sama dalam masyarakat untuk menggunakan bakat yang diberikan oleh Tuhan serta merasa bebas dan berguna.

Tidak boleh diragukan bahawa mereka atau kebanyakan mereka sedar akan peranan mereka sebagai seorang ibu untuk menguruskan rumah tangga serta melahirkan beberapa orang anak tetapi seorang ibu moden tidak bersedia dihadkan kepada kerja-kerja rumah setiap hari dan menghabiskan hayatnya sebagai hamba domestic.

Dari segi ekonomi pula seorang ibu terpaksa bekerja untuk menambahkan pendapatan keluarganya supaya dengan berbuat demikian dapatlah keluarganya disara dengan sempurna serta anak-anaknya dapat memkmati peluang yang beliau atau suaminya tidak pernah menikmatinya. Harapan ibu tersebut hanya boleh direalisasikan dengan mempunyai sebuah keluarga yang kecil terutama sekali apabila pendapatan keluarga adalah rendah. Sekiranya ibu tersebut mempunyai keluarga yang besar maka beliau tidak akan dapat menyimpan (saving) wangnya untuk menghadapi masa-masa kecemasan atau untuk tujuan pelajaran tinggi anak-anaknya maka dengan itu impiannya hanya tinggal impian semata-mata.

Ibu moden yang berpelajaran (educated), berpengetahuan dan bebas (liberated) sudah tentu tidak mahu satu keluarga yang besar. Beliau tidak akan menyokong pindaan

kepada Akta Kerja kerana beliau adalah seorang manusia dan bukan sebuah kilang bayi.

Ahli-ahli demographi, ekonomi, sosiologi, perancang bandar serta pakar-pakar kesihatan dan rakyat terperanjat dengan tujuan hendak menyegerakan pertumbuhan penduduk untuk mencapai sasaran bilangan penduduk 70 juta. Rationale Kerajaan ialah bahawa bilangan penduduk yang besar akan menyokong sebuah ekonomi perusahan (industry economy) untuk membekalkan pengguna-pengguna bagi products yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan. Pemikiran seumpama ini adalah karut dan salah, dengan izin, cockeyed.

Terdapat banyak contoh-contoh mengenai negara-negara yang mempunyai penduduk-penduduk yang ramai tetapi kebanyakan rakyatnya adalah miskin. Jika kita melihat negara-negara jiran kita pun sudah cukup. Seperti Indonesia, sebuah negara yang mengeluarkan minyak seperti Malaysia dengan simpanan minyak yang begitu banyak. Di sebalik itu terdapat negara-negara lain yang mempunyai bilangan penduduk yang kecil tetapi pendapatan perkapita kasarnya adalah tinggi dan taraf hidup mereka adalah tinggi. Singapura mempunyai consumer base yang kecil. Selanjutnya terdapat negara-negara kaya yang mempunyai bilangan penduduk yang kecil seperti Switzerland itu juga. Saiz penduduk tidak akan menentukan kekayaan kejayaan ekonomi, hanya kualiti dan daya pengeluaran atau produktiviti rakyatnya.

Tuan speaker, akhirnya setakat hari ini negara kita mempunyai bilangan penduduk seramai 14 juta tidak dapat memperuntukkan kemudahan-kemudahan sosial yang asasi. Kadar pengangguran adalah kira-kira 6%. Perumahan kos rendah adalah

amat berkurangan. Kemudahan-kemudahan hospital juga adalah kurang mencukupi dan peluang-peluang pelajaran adalah tersekat. Dengan lain perkataan negara kita tidak mampu menanggung kadar penduduk-penduduk buat masa sekarang ini dan kini ialah ia pula hendak menambah saiz keluarga dari tiga kepada lima anak, tambahan sebanyak 40%. Ini adalah satu kadar pertumbuhan yang akan membawa bencana (disaster).

Kita Parti DAP menyeru Kerajaan Barisan Nasional menggugurkan dasar baru ini mengenai penduduk dan menumpukan kepada dasar-dasar untuk mendidik rakyatnya, memperbaiki kemahiran dan daya pengeluaran mereka serta memperbaiki taraf dan kualiti hidup mereka dan generasi-generasi masa depan tidaklah sepatutnya dibebankan dengan masalah-masalah yang berat dan besar yang pasti akan timbul dalam negara-negara yang mempunyai penduduk yang berlebihan. Sebaliknya kita hendaklah meninggalkan satu legacy dengan asas yang kukuh bagi generasi-generasi akan datang untuk membolehkan mereka mencipta masa depan yang lebih cerah dan baik.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Ulu Muda.

*5.09 ptg.*

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan mengambil sedikit masa untuk membincangkan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan), 1984.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah pun menyedari hakikat kebenaran yang wujud dalam negara kita ini bahawa kaum pekerja itu adalah sebahagian daripada kaum yang penting bagi

negara kita yang mana mereka juga adalah mengambil bahagian di dalam usaha pembangunan negara.

Perkara yang pertama yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah mengenai pertambahan elaun bagi melahirkan anak dalam usaha untuk menambahkan ataupun sebagai satu insentif kepada pekerja-pekerja wanita. Saya tidak nampak sebagai satu anti wanita sepertimana yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Seremban sebentar tadi.

Sebenarnya, suatu perkara yang diberi ini adalah merupakan satu ganjaran kepada kaum wanita. Malahan tidak ada paksaan, tidak ada unsur-unsur paksaan di dalamnya. Kerajaan tidak memaksa pun bagi rakyatnya, penduduk-penduduknya untuk menambahkan bilangan ahli keluarga, malahan Kerajaan menyarankan, Kerajaan mencadangkan untuk menambah 70 juta rakyat Malaysia, tidak ada satu perkataan pun yang diletakkan bahawa Kerajaan mengenakan satu peraturan dimestikan saiz bagi suatu keluarga 5 orang, 7 orang atau 10 orang.

Ini adalah di atas kehendak peribadi individu itu sendiri, sama ada mereka berkehendakkan suatu keluarga yang besar ataupun keluarga yang kecil bergantung kepada pendapatan dan perolehan bagi sesuatu keluarga itu.

Jadi inilah merupakan suatu insentif kepada pekerja-pekerja wanita yang bekerja di negara ini yang saya rasa Kerajaan dari semasa ke semasa perlulah menimbangkan perkara-perkara yang lain yang lebih menguntungkan kaum pekerja ini. Di dalam soal ini saya hendak menyebutkan sedikit perkara lain yang dapat kita lihat lebih ketara kewujudannya iaitu keadaan pekerja-pekerja estet, keadaan pekerja-pekerja buruh, perbandingan bayaran

gaji di antara pekerja buruh Melayu dengan bukan Melayu di dalam negara ini yang begitu ketara berlaku walaupun saya yakin bahawa memanglah tidak ada peraturan yang boleh dikenakan oleh Kerajaan untuk menghadkan atau untuk mengarahkan tuan-tuan punya syarikat untuk membayar gaji kepada suatu had yang tertentu tetapi sekurang-kurangnya atas dasar muhibah misalnya, perlulah diadakan, disamakan bayaran gaji di antara pekerja Melayu dengan bukan Melayu di negara ini kerana sekarang ini kita dapati ramai di kalangan belia-belia Melayu yang berhijrah keluar negeri terutamanya Singapura untuk mendapatkan gaji yang sedikit lebih daripada bayaran gaji di negara kita ini. Inilah satu perkara yang perlu ditumpukan oleh pihak Kerajaan, Kementerian Buruh misalnya perlu mengambil tindakan di dalam perkara ini.

Pekerja-pekerja estet yang baharu-baharu ini telah pun kita lihat menunjukkan rasa tidak puas hati dengan keadaan kehidupan mereka, suasana (environment), dengan izin, kedudukan mereka itu sungguh tidak menyenangkan.

Inilah soalnya yang boleh kita lihat sedikit sebanyak. Pekerja-pekerja kilang, saya tidak hendak minta kepada Kerajaan untuk menghadkan ataupun menaikkan ataupun menetapkan pembayaran gaji yang khusus kepada pekerja-pekerja ini kerana daripada suatu keadaan di mana mereka tidak mempunyai langsung pekerjaan sekurang-kurangnya mereka dapat bertapak dan dapat sedikit perolehan hasil daripada pertumbuhan kilang-kilang perusahaan ini, tetapi apa yang saya lihat sedikit sebanyak perlulah dipertimbangkan kemudahan-kemudahan perlu sebagai manusia yang memerlukan sedikit suasana yang baik untuk mereka di dalam usaha mereka menjalankan tugas mereka.

Begitulah juga, dengan suatu perkara yang telah berlaku dalam tahun ini iaitu tentang penguatkuasaan di bawah Kementerian Buruh ini, saya dapati terlalu kurang, misalnya telah berlaku kejadian di mana dua orang pekerja, satu di negeri Perak, dan satu lagi saya terlupa boleh jadi di Selangor ini telah terputus tangannya, kanak-kanak yang bekerja, kanak-kanak yang di bawah umur yang bekerja. Mereka ini dilindungi di bawah Peraturan Buruh di negara ini diambil bekerja dengan bayaran gaji yang murah kemudian mereka itu telah pun cedera akibat daripada kurang pengetahuan mereka setelah kejadian itu berlaku baharulah Kementerian Buruh mengambil tindakan untuk menyasiat. Penyasiatan yang berlaku selepas bencana yang telah berlaku adalah merupakan satu kemalangan yang hebat, satu perkara yang tidak boleh kita beri pertimbangan yang sedikit, tidak boleh diberi pertimbangan yang rendah kerana perkara-perkara ini perlulah diberi pertimbangan yang lebih baik, "enforcement" ataupun penguatkuasaan Kementerian Buruh mestilah selalu menjalankan kewajipan mereka.

Penyasiatan-penyasiatan kesemua tempat yang menggunakan buruh-buruh di bawah umur ini perlulah dikaji dan dilihat dan diambil tindakan kepada pengusaha-pengusaha yang mengambil kanak-kanak yang di bawah umur ini untuk bekerja kerana kemalangan yang berlaku kepada peringkat umur muda membawa akibat yang buruk semasa mereka itu tua.

Jadi, saya rasa pindaan kepada Rang Undang-undang Kerja yang telah dibawa ini adalah merupakan suatu perkara baharu yang boleh menambahkan minat untuk bekerja di kalangan pekerja-pekerja. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1984, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Lumut.

5.15 ptg.

**Tuan Ng Cheng Kual (Lumut):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selaras dengan dasar kependudukan 70 juta, salah satu ciri yang terkandung dalam Akta Kerja (Pindaan) 1984 adalah bertujuan menambah kelayakan cuti bersalin bagi kakitangan Kerajaan dari 3 menjadi 5 kali, pada hemat saya, ia adalah tepat dan kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak diumumkan dasar kependudukan 70 juta menjelang tahun 2,099 iaitu 115 tahun dari sekarang terdapat kritikkritik yang tidak senang hati dengannya. Mereka mengemukakan berbagai alasan untuk menolak kemungkinan "viability" dasar ini.

Bagi saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya dasar kependudukan 70 juta itu kerana menjelang tahun 2,099 ia memang akan menjadi satu kenyataan. Kita tidak boleh lari daripada hakikat ini. Kebimbangan dan kekecewaan para pengkritik ada kaitan rapat dengan kemungkinan bahawa Kerajaan tidak mampu memikul tekanan dari segi pembekalan dan penyediaan pekerjaan-pekerjaan, perkhidmatan-perkhidmatan asas, kemudahan infrastruktur dan lain-lain. Pandangan tersebut telah mengenyepikan malah menolak daya pemikiran dan daya kebolehan (ingenuity), dengan izin, manusia dalam menemпуhi masalah-masalah rumit yang dihadapinya.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, jika kita menggunakan hisab yang berasaskan kepada kadar terkumpul iaitu "compounding rate", hasil perkiraannya mengesahkan pencapaian dasar kependudukan 70 juta dalam jangka masa 115 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun cuba menghisab dengan angka penduduk sekarang iaitu 14.8 juta yang kian bertambah dengan kadar pertumbuhan penduduk sebanyak 2.2% tiap-tiap tahun. Dengan cara perkiraan kadar terkumpul "compounding rate", hasil yang saya perolehi adalah seperti berikut:

Dalam jangka masa 10 tahun dari sekarang kependudukan akan meningkat kepada 18.3 juta, dalam jangka masa 20 tahun dari sekarang menjadi 22.8 juta, dalam jangka masa 50 tahun dari sekarang menjadi 43.9 juta, dalam jangka masa 75 tahun dari sekarang menjadi 75.6 juta dan dalam jangka masa 100 tahun dari sekarang menjadi 127.6 juta.

Dengan angka asas pertumbuhan sebanyak 2.2% yang telah mengambil kira kadar kelahiran dan kematian, perkiraan hisab itu membuktikan tercapainya kependudukan 70 juta pada tahun 2,056 iaitu hanya 72 tahun dari sekarang. Apa yang memeranjatkan ialah melalui perkiraan ini menjelang tahun 2,099 jumlah penduduk Malaysia akan meningkat ke 176 juta yang jauh melebihi jumlah yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jadi perbezaan perkiraan bilangan kependudukan itu berpunca dari landasan yang digunakan oleh saya iaitu kesuburan (fertility) akan terkawal pada tahap pertumbuhan sebanyak 2.2%. Jika diambil kira kemungkinan penurunan kesuburan (fertility) yang tentu berlaku pada jangka masa 115 tahun jumlah kependudukan 70 juta yang dianggarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah lebih tepat. Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi saya tidak keberatan menyokong dasar kependudukan 70 juta itu.

Beralih kepada masalah pekerja-pekerja yang kepentingannya adalah menjadi tanggungjawab Akta Kerja 1955, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh masalah pengangguran. Saya perhatikan pejabat-pejabat pekerjaan di merata tempat adalah dipertugaskan memberi bantuan dari segi menempatkan para penganggur dengan majikan-majikan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan keluaran Jabatan Tenaga Rakyat menunjukkan penempatan (emplacements) melalui Pejabat-pejabat Pekerjaan semakin merosot, bagi sepanjang tahun 1983 hanya seramai 18,451 penganggur ditempatkan (emplaced) olehnya. Saya telah pun menyemak anggaran belanja yang diperuntukkan bagi Pejabat-pejabat Pekerjaan bagi tahun-tahun sudah. Buku-buku anggaran hasil dan perbelanjaan menunjukkan pada tahun sudah lebih kurang \$3.5 juta ditelan oleh Pejabat-pejabat Pekerjaan untuk operasinya yang bertabur di seluruh Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur. Kalau hendak dikaji dari segi kos faedah (cost benefit) dari peruntukan sebanyak \$3.5 juta yang dibelanjakan hanya 18,451 penempatan (emplacement) tercapai, ini bermakna bagi setiap kekosongan perjawatan yang diisi belanjawan Kerajaan ialah lebih kurang \$190. Kos belanja itu memang menghairankan lebih-lebih lagi 97% daripada penempatan itu tertumpu kepada kategori bukan profesional dan bukan teknikal.

Dari segi mengurangkan defisit Belanja Kerajaan, soal ini memerlukan penyemakan. Maka pada pendapat saya Kerajaan harus mencari satu jalan keluar bagi membentasi masalah cost benefit ini. jadi saya mencadangkan supaya perkhidmatan-perkhidmatan Pejabat Pekerjaan diswastakan supaya Kerajaan tidak lagi memikul kos yang terlalu tinggi.

Dengan pandangan ini, saya menyokong pindaan-pindaan kepada Akta Ibu iaitu Akta Kerja 1955 yang dikemukakan oleh yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.25 ptg.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih. Seperti telah dimaklumi Akta Kerja yang akan dipinda ini telah dikanunkan oleh Parlimen pada tahun 1955 dan mula berkuatkuasa pada 1 hb Jun, 1957. Ternyata Akta ini sama usianya dengan kemerdekaan negara kita.

Sekian lama masa telah berlalu dan banyak pula kemajuan yang telah dapat dicapai dalam berbagai bidang, maka memang wajar Akta yang penting seperti ini sentiasa dikaji demi memberikan perlindungan yang wajar, berperikemanusiaan serta menasabah kepada semua pihak yang terlibat.

Pindaan kepada Akta yang dibahaskan, hanya dua perkara sahaja iaitu menambahkan kemudahan bagi seseorang pekerja wanita boleh menuntut elaun bersalin sehingga ke anak yang kelima yang masih hidup dan menambah liputan kepada pekerja-pekerja yang bergaji sehingga \$1,000.

Saya masih ingat lagi dan saya rasa ramai yang masih ingat bahawa beberapa tahun yang lampau, wanita telah membuat memorandum, menghantar telegram semasa Parlimen membincangkan masalah ini dan juga kesatuan-kesatuan sekerja meminta kepada Kerajaan agar kemudahan elaun bersalin tidak dihadkan kepada tiga orang anak yang hidup tetapi pada masa itu rayuan dan permintaan itu telah tidak berjaya. Itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya

mempunyai tiga orang anak dan sekarang ini untuk menambah dua lagi agak saya sudah terlewat.

Wanita tempoh hari meminta kelonggaran itu atas sebab kesihatan dan kesejahteraan keluarga kerana ketika itu dirasakan masih besar bilangan wanita yang belum begitu faham dengan selok belok menjarakkan kekerapan bersalin. Ramai juga yang ragu-ragu dengan cara-cara pendekatan dan juga fatwa yang terdapat di negara kita pada masa itu. Kini disebabkan undang-undang yang membolehkan hanya tiga cuti bersalin telah dikuatkuasakan, kami wanita telah pun menyesuaikan amalan dengan keadaan dan pada hari ini dengan sekonjong-konyongnya kami diberi kembali kemudahan yang telah kami pertahankan dahulu. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bererti bahawa wanita seratus peratus gembira kerana wanita juga sedar akan bebanan berat yang berkait dengan pindaan ini, khususnya yang berkait dengan dasar kependudukan yang baru di negara kita ini.

Bagi seseorang wanita melahirkan anak adalah tugas semula jadi dan menjadi hak mutlak wanita. Kami juga bangga bahawa Allah s.w.t. telah mengamanahkan tugas ini kepada wanita—orang lelaki tak boleh menjalankan tugas ini. Namun begitu wanita juga mempunyai hak bersuara, membuat pilihan dan membuat keputusan. Dalam sebuah negara yang sedang membangun, tenaga wanita yang kian bertambah adalah juga perlu bagi digembeling untuk pembangunan negara.

Supaya wanita dapat melaksanakan semua peranannya dengan baik dan bagi menjayakan apa juga dasar Kerajaan khususnya dasar kependudukan yang baru, wanita harus dan patut dirundingi serta khidmat-khidmat sokongan (support services) adalah amat perlu disediakan oleh Kerajaan dan semua pihak.

Sekiranya khidmat sokongan tidak disediakan maka ianya amat menyusahkan wanita iaitu ibu-ibu yang bekerja di luar rumah.

Wanita sedar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyarankan supaya keluarga yang mampu disara oleh suami-suami, si isteri bolehlah berhenti kerja. Kalau diteliti bilangan dalam golongan ini hanya segelintir sahaja sebaliknya pula isteri-isteri yang suaminya bergaji besar adalah juga wanita yang berkelulusan dan berprofesyen. Berhentinya mereka itu dari pekerjaan akan merugikan masyarakat dan negara. Wanita juga sedar bahawa jagaan dan didikan disertai dengan balaian kasih sayang seorang ibu tidak ada tolok bandingnya dengan jagaan seorang pakar pengasuh.

Namun demikian dalam keadaan kewangan yang terdesak, ibu-ibu terpaksa juga keluar bekerja dan meninggalkan anak-anak mereka dalam jagaan pengasuh-pengasuh. Satu cara yang boleh menolong ialah menubuhkan Taman Asuhan Kanak-kanak. Dalam sidang Parlimen ini pada bulan Julai lalu satu Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak telah diluluskan. Kerajaan terutamanya majikan-majikan hendaklah mengadakan taman-taman asuhan sebagai membantu ibu-ibu yang ketiadaan pengasuh-pengasuh ataupun anggota-anggota keluarga untuk mengasuh anak-anak mereka di rumah masing-masing.

Pembantu rumah adalah satu lagi khidmat sokongan yang diperlukan. Mereka yang menjadi pembantu rumah pada hari ini adalah majoritinya kaum wanita.

Wanita berhasrat supaya kategori pekerja sebagai pembantu rumah ini diberi satu taraf atau status sebagai pekerja. Apa yang berlaku sekarang

ialah mereka ini tidak ditentukan gaji minima dan juga kenaikan gajinya. Tidak ada masa kerja yang minima, tidak ada cuti yang tertentu, tidak ada kemudahan cuti bersalin, cuti sakit, cuti rehat, tidak ada jaminan masa hadapan; misalnya tidak ada dimasukkan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Dan juga tidak ada kemahiran kerana tidak ada latihan. Dan pembantu rumah ini memanglah tidak mempunyai status atau taraf.

Apa yang tercatat mengenai pekerja rumahtangga dengan izin, "domestic servants" dalam Akta Kerja ini hanyalah yang berbunyi, saya terjemahkan Tuan Yang di-Pertua, satu kontrak menggaji seorang sebagai pekerja rumahtangga boleh ditamatkan sama ada oleh majikan, orang yang menggaji atau oleh pekerja rumahtangga itu sendiri dengan memberi 14 hari notis akan maksudnya menamatkan kontrak atau dengan membayar ganti rugi sama banyak dengan gaji pekerja tersebut selama 14 hari.

Pada amalannya, Tuan Yang di-Pertua, kontrak boleh dikatakan tidak pernah ada tertulis hitam putih. Gaji minima tidak ditentukan dan notis 14 hari jarang berlaku. Yang sering berlaku, pembantu rumah menghilangkan diri semasa majikan tidak ada di rumah atau majikan terus memberhentikan pekerja serta merta tanpa apa-apa ganjaran. Oleh kerana khidmat ini sudah menjadi begitu penting kerana ramainya wanita bekerja di luar rumah maka sepatutnya satu pindaan dibuat bagi mengadakan peruntukan melindungi kedua-dua pihak, majikan-majikan dan juga pekerja-pekerja pembantu-pembantu rumah. Ini bertambah penting apabila ada ura-ura pihak Kerajaan hendak membawa masuk pekerja pembantu rumah dari negara asing yang akan lebih lagi membebaskan majikan dan akan lebih lagi merumitkan keadaan.

Satu cara untuk meningkatkan kategori dan taraf pembantu rumah ialah dengan mengadakan latihan yang diiktiraf dan penguatkuasaan juga harus diadakan. Saya harap Kementerian yang bertanggungjawab tidak menganggap masalah pembantu rumah ini kecil dan mengenyepkannya tiap kali ia ditimbulkan. Sekiranya ia diberi pengiktirafan, pada pendapat saya lebih ramai lagi orang akan memasuki bidang kerja ini dan dengan tidak mengira jantina.

Sebelum saya mengakhiri bahasan ini saya ingin menyentuh mengenai ratifikasi Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa No: 103 yang meminta cuti bersalin dengan bergaji selama 12 minggu. Bagi pihak wanita saya mohon agar Kerajaan Malaysia membuat ratifikasi ini dan agar dapat memberikan kemudahan ini kepada ibu-ibu yang mengasuh serta dapat menyusukan anak-anak mereka sesuai dengan kempen "Penyusuan Ibu Pilihan Moden" yang sedang berjalan sekarang selama tiga tahun yang telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan pada 28hb April, 1984. Dalam keadaan sekarang Kerajaan hanya memberi 42 hari sementara pihak swasta memberi 60 hari cuti bersalin. Saya mohon pihak Kerajaan mengkaji semula jumlah cuti bersalin ini dan menunjukkan kepimpinan melalui teladan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.55 ptg.

**Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kerja 1955. Pindaan yang dicadangkan untuk membolehkan seorang pekerja wanita menuntut elaun bersalin hingga ke anak yang kelima yang masih hidup adalah satu langkah yang wajar.

Malah saya boleh mengatakan di sini bahawa langkah ini akan meningkatkan status wanita-wanita yang bekerja di Malaysia. Akta tetapi saya berasa kesal bahawa ianya tidak dicadangkan dengan tujuan hendak meningkatkan status wanita-wanita yang bekerja tetapi sebagai tambahan kepada dasar penduduk 70 juta Kerajaan ini.

Andainya saya merupakan seorang wanita sudah pasti akan berasa terhina dengan tujuan pindaan ini yang jelas merupakan satu umpan bagi orang wanita memperoleh lebih anak. Mereka tidak patut diperlihatkan sebagai "child bearer" tetapi sebagai anggota-anggota masyarakat Malaysia yang produktif dalam memperwujudkan kekayaan dan pembangunan. Saya berasa pasti bahawa majoriti wanita tidak akan bersetuju bahawa peranan mereka adalah semata-mata menyediakan lebih anak-anak. Dan seterusnya saya percaya bahawa mereka tidak akan bersetuju dengan dasar penduduk ini.

Seperti yang telah saya nyatakan terlebih dahulu pindaan-pindaan yang telah dicadangkan ini hanya dapat dianggap sebagai langkah positif jika diperlihatkan sebagai suatu pindaan untuk mempertingkatkan status wanita yang bekerja secara langsung. Ia hanya merupakan suatu langkah yang kurang penting. Dalam etika masih terdapat banyak yang boleh dilaksanakan untuk menjamin bahawa status wanita di negara ini adalah benar-benar dilindungi. Perjuangan wanita Malaysia untuk memperoleh status yang sama setakat ini masih belum dapat dipertahankan.

Nampaknya Kerajaan dan sektor swasta mendakwa bahawa mereka mengamalkan prinsip upah yang sama bagi pekerjaan yang sama. Tetapi dari segi amalan dan asas ini tidak benar kerana masih wujud begitu banyak peluang-peluang pekerjaan yang dinafikan kepada wanita atas alasan

jantina mereka. Para wanita Malaysia hari ini memerlukan satu usaha Kerajaan yang lebih positif untuk menjamin bahawa status yang sama sedang diamalkan sepenuhnya.

Jadi, masanya adalah tepat bagi Kerajaan mempertimbangkan penggabalan undang-undang untuk menjadikan amalan diskriminasi jantina satu kesalahan di sisi undang-undang di negara ini. Tanpa kewujudan sekatan-sekatan undang-undang sedemikian rangkaikata-rangkaikata seperti "gaji yang sama bagi upah yang sama" atau "peluang-peluang yang sama bagi semua tanpa mengira jantina" akan hanya merupakan omong-omong kosong sahaja. Undang-undang untuk mencegah diskriminasi jantina bukanlah satu phenomina baru dan sudah pun diamalkan di negara-negara seperti Amerika Syarikat.

Saya tidak memahami mengapa kita tidak mampu memperkenalkannya di negara ini kerana saya berasa pasti bahawa para wanita kita tidaklah kurang penting atau bernilai kepada kita berbanding dengan wanita di negara-negara lain. Walau bagaimanapun, peningkatan status wanita-wanita yang bekerja patut diikuti dengan peningkatan hak-hak asasi wanita secara am. Wanita Malaysia khususnya dari segi status undang-undang mereka adalah amat perlu dilazimkan supaya mereka langsung tidak menikmati hak yang lebih kurang daripada rakan-rakan lelaki mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada tiga undang-undang khususnya yang buruk di negara ini yang menundakan kedudukan wanita. Saya merujuk kepada Ordinance Distribution yang menyatakan bahawa jika seorang isteri meninggal dunia tanpa berwasiat suami yang tertinggal mewariskan segala hartanya, walhal

jika suami pula mati tanpa berwasiat isterinya hanya mendapat satu pertiga daripada harta suaminya. Kedua ialah Infant Guardianship Act yang memperuntukkan bahawa guardianship sah seorang kanak-kanak itu semata-mata kepada bapanya. Akhirnya ialah Ordinance Imigeresen yang menyatakan bahawa suami asing seorang warganegara Malaysia tidak berhak menjadi seorang warganegara yang amat bertentangan dengan kedudukan seorang isteri asing.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pindaan kedua yang dicadangkan yang bertujuan meminda perenggan I Jadual Pertama Akta ini supaya meningkatkan had upah maksima daripada \$750 kepada \$1,000 bagi pekerja-pekerja bukan manual supaya membolehkan para pekerja-pekerja bukan manual dilindungi oleh Akta ini. Saya tidak memahami keperluan bagi terus mengekalkan satu had upah yang maksima bagi pekerja-pekerja bukan manual walhal tidak ada sedemikian bagi pekerja-pekerja manual. Kerajaan patut langsung menghapuskan had upah maksima bagi pekerja-pekerja bukan manual seperti juga pekerja-pekerja manual. Peruntukan-peruntukan Akta Kerja patut juga diadakan kepada semua pekerja-pekerja Malaysia tanpa mengira pendapatan mereka atau sama ada mereka berasal dari sektor manual atau bukan manual.

Saya percaya bahawa tujuan Akta Pekerja ini adalah bagi perlindungan pekerja-pekerja Malaysia secara am. Dalam bentuknya yang sedia ada di mana hanya sebahagian tenaga buruh yang tertentu sahaja akan menikmati faedah-faedahnya berbanding dengan sebilangan ramai pekerja-pekerja yang lain. Akta ini pasti akan gagal mencapai matlamat ini. Faedah-faedah utama yang diperuntukkan di bawah Akta ini iaitu faedah-faedah retrenchment, termination dan overtime patut juga diadakan kepada semua pekerja-pekerja Malaysia.

Pekerja-pekerja bukan manual daripada sektor perkeranian merupakan sebahagian besar adalah mudah menjadi mangsa eksploitasi oleh pihak majikan. Mengapakah kategori pekerja-pekerja ini patut diabaikan jika diberhentikan atau mengalami retrenchment daripada pekerjaan mereka.

Saya percaya bahawa pihak Kerajaan mungkin mendakwa bahawa kepentingan pekerja-pekerja bukan manual yang menerima gaji yang lebih daripada \$1,000 adalah cukup dilindungi oleh syarat-syarat kontrak perkhidmatan mereka. Walau bagaimanapun, saya mempercayai bahawa ramai orang daripada golongan ini tidak dilindungi oleh kontrak-kontrak perkhidmatan dan di dalam kes-kes di mana mereka dilindungi sedemikian kontrak-kontrak ini tidak semestinya mengandungi faedah-faedah yang telah dinyatakan. Dengan kemasukan had upah maksima \$1,000, faedah-faedah ini akan dirampas dengan kejamnya daripada mereka. Definisi pekerja-pekerja manual di bawah Akta Kerja juga malangnya telah ditafsirkan sedemikian rupa sehingga menyingkirkan pekerja-pekerja manual yang mahir seperti ahli-ahli teknik dan jurutera-kjurutera yang turut dinafikan faedah-faedah Akta ini.

Kami dalam DAP menggesa Kerajaan menyingkirkan langsung hak-hak demikian di dalam Akta ini. Akta ini patut meliputi semua golongan pekerja-pekerja tanpa sebarang perbezaan serta klasifikasi supaya objektifnya akan dapat dicapai. Tanpa penghapusan perbezaan sedemikian yang kurang adil serta tidak diperlukan itu daripada Akta Kerja sebahagian besar tenaga kerja negara ini akan terdedah kepada eksploitasi oleh majikan-majikan tempatan serta asing. Jika kekurangan-kekurangan Akta Kerja ini tidak dihapuskan faedah-faedah

yang dikandungi itu tidak akan berguna. Paling baik peruntukan-peruntukan ini tidak akan mencapai objektifnya, dan paling buruk ianya boleh dikatakan anti golongan pekerja.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Menglembu.

5.47 ptg.

**Tuan Yew Foo Weng (Menglembu):** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya berdiri beberapa kali dan sungguhpun masa terlewat sekali, saya mengucapkan terima kasih di atas penghargaan dan perhatian Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kerja pindaan yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Buruh terhadap kedua-dua pindaan yang dicadangkan seperti yang termaktub dalam Rang Undang-undang ini dan tidak syak lagi saya sokong penuh Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua peruntukan yang termaktub dalam pindaan menyentuh tentang kebajikan pekerja-pekerja iaitu yang pertama sekali meninggikan had kelayakan cuti bersalin pekerja-pekerja wanita daripada tiga kepada lima orang anak. Yang kedua, meninggikan had gaji mereka yang layak dilindungi oleh Akta Kerja 1955 daripada \$750 sebulan sehingga \$1,000 sebulan. Sebagaimana kita sedia maklum kedua-dua pindaan ini adalah dicadangkan berasas kepada pertimbangan demi kepentingan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun tidak ternyata dalam huraian Undang-undang Kerja (Pindaan) dan ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh tadi jangkaannya adalah

bahawa pindaan menaikkan had cuti bersalin daripada tiga orang anak kepada lima orang anak ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan mencapai 70 juta penduduk di dalam negara kita. Walau apa pun pindaan ini adalah satu pindaan yang baik terhadap kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita semakin hari semakin maju, taraf kehidupan rakyatnya juga terus maju. Sara hidup serta gaji bertambah mahal. Dengan itu pindaan yang kedua iaitu meninggikan had mereka yang dilindungi oleh Akta Kerja 1955 ini daripada \$750 sehingga \$1,000 sebulan dibuat adalah tepat pada masanya. Keduanya, pindaan ini menentukan tentang peruntukan undang-undang negara.

Sungguhpun Akta Kerja 1955 tidak boleh dianggap sebagai satu undang-undang yang teliti 100%, namun demikian, peruntukan-peruntukan yang termaktub dalamnya memadai untuk waktu ini. Sebagaimana kita sedar memang menjadi semangat Kerajaan untuk meminda peruntukan undang-undang dari semasa ke semasa supaya menyesuaikan kehendak-kehendak semasa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin mengingatkan bahawa selain daripada peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam undang-undang negara, dasar-dasar yang diturunkan adalah juga sama mustahaknya. Sebagai contoh kita sedar bahawa dasar-dasar yang diamalkan dari semasa ke semasa hanya mencerminkan kehendak pihak Kerajaan dan pegawai-pegawai Kementerian. Ada di antara dasar-dasar yang digubal demi pertimbangan politik dan ada juga dasar-dasar yang digubal hasil daripada nasihat ataupun cadangan-cadangan yang berat sebelah.

Saya ingin menyoal tentang wárasnya dasar Kerajaan mengimport buruh asing bagi menunaikan kekurangan tenaga pekerja di beberapa sektor ekonomi negara kita. Kononnya, kekurangan tenaga pekerja mungkin menjadi satu hakikat. Kita juga pernah membaca risalah-risalah yang menghuraikan kerugian sektor pertanian akibat daripada kekurangan tenaga pekerja. Sebaliknya kita juga pernah dengar tentang soal pengangguran di dalam negara kita. Saya tidak boleh memahami logik mengimport tenaga pekerja daripada negara asing selagi kita menghadapi masalah pengangguran. Apa yang kita perlu bukan dasar bagi membenarkan pengimportan tenaga pekerja daripada negara asing, akan tetapi kita memerlukan satu kempen secara keseluruhan untuk mengubah sikap tenaga pekerja kita yang tidak sanggup bekerja di dalam sektor-sektor yang kekurangan tenaga pekerja.

Ini merupakan satu langkah positif bagi kita menyelesaikan masalah kekurangan tenaga pekerja kita. Berapa lamakah kita perlu bergantung kepada tenaga-tenaga pekerja daripada luar negeri? Bukankah kita bangga dengan taraf kita sebagai sebuah negara yang merdeka, menyanjung cita-cita mendirikan negara kita sendiri dengan kepakaran dan tenaga manusia yang sedia ada?

Tuan Yang di-Pertua, mungkin pandangan saya tidak begitu teliti tentang masalah kekurangan tenaga pekerja; mungkin dasar pengambilan buruh asing ini digubal dengan tidak terdapat satu cara yang lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga pekerja bagi masa sekarang. Kalau ini menjadi satu kebenaran, saya ingin mencadangkan supaya kawalan serta penghapusan yang ketat dikenakan kepada jawatankuasa yang ditugaskan bagi mengkaji perkara ini.

Saya berharap bahawa jawatankuasa ini akan mengambil kira corak masyarakat kita yang berbilang kaum dan bangsa dan menggubalkan dasar-dasar yang adil bagi masyarakat kita. Saya juga berharap bahawa jawatankuasa ini mengkaji dengan teliti calon-calon yang dibawa masuk bagi menunaikan kekurangan tenaga pekerja supaya dapat mengelakkan daripada masalah-masalah sosial yang berkaitan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

5.54 *ptg.*

**Tuan Ling Sie Ming (Sibu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini untuk meminda Akta Kerja, 1955.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 37 supaya membolehkan seseorang pekerja wanita menuntut elaun bersalin hingga ke anak yang kelima yang masih hidup. Rang Undang-undang ini adalah juga selaras dengan dasar Kerajaan baru untuk menggalakkan pertumbuhan bilangan penduduk sehingga mencapai bilangan 70 juta.

Di samping itu, pindaan yang berkenaan juga bertujuan untuk memperluaskan Akta Kerja yang asal supaya meliputi pekerja-pekerja yang berpendapatan kurang daripada \$1,000 sebulan. Nampaknya, tekanan utama Rang Undang-undang ini adalah pemberian dorongan yang lebih kepada wanita Malaysia supaya mempunyai lebih ramai anak, demi mencapai takat 70 juta penduduk menjelang tahun 2100.

Secara prinsip, sebarang undang-undang yang meluaskan faedah faedah bersalin pekerja-pekerja wanita dari 3 hingga 5 anak patutlah disokong. Akta tetapi, jika kita mendalami isu ini, kita mesti mengakui bahawa sebarang undang-undang yang bertujuan menggalakkan pertumbuhan bilangan penduduk tanpa disertai oleh undang-undang untuk melindungi kepentingan pekerja-pekerja akan hanya menyumbangkan kepada ketidakseimbangan sosial. Langkah sedemikian akan meninggikan beban atas setiap rakyat Malaysia, keluarganya dan masyarakat secara am dan segi mutu kehidupan dari aspek-aspek ekonomi, pendidikan, pekerjaan dan sosial. Jadi saya berharap bahawa tujuan utama Rang Undang-undang ini untuk meminda Akta Kerja, 1955 ini adalah untuk meninggikan kebajikan pekerja-pekerja dan bukan semata-mata untuk mendorong wanita melahirkan lebih kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan perlindungan pekerja-pekerja, wujud banyak lagi masalah-masalah yang patut diberikan perhatian. Persoalan-persoalan seperti penentuan kadar upah minima, syarat-syarat pekerjaan yang lebih seimbang bagi pihak wanita dan penggunaan kanak-kanak sebagai buruh mestilah diselesaikan terlebih dahulu.

Saya berasa kesal bahawa Rang Undang-undang ini tidak mengandungi apa-apa peruntukan bagi perkara-perkara ini. Ini hanya menunjukkan kekurangan minat bekerja untuk menjamin layanan yang adil serta seimbang bagi pekerja-pekerja. Golongan ini merupakan pengeluar bahan-bahan dan perkhidmatan yang utama di negara ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sebarang murid lepasan Tingkatan 5 yang memperolehi pekerjaan akan menerima kadar upah yang berbeza-beza di antara \$200 dan \$300 bergantung kepada nasibnya serta kemurahan hati majikannya. Secara am, di dalam kilang-kilang misalnya, pekerja lelaki cenderung menerima upah yang lebih tinggi daripada pekerja wanita. Malangnya, pekerja wanita telah menjadi sumber utama buruh murah yang dieksploitasi di dalam negara ini, bertentangan dengan konsep masyarakat adil yang dijanjikan oleh Kerajaan. Ini juga merupakan suatu halangan kepada peningkatan status sosio-ekonomi pekerja wanita.

Lebih penting lagi, adalah penting untuk menentukan kadar upah yang lebih adil kepada pekerja-pekerja wanita yang berasal daripada golongan pendapatan pertengahan. Dengan kebolehan menambah pendapatan keluarga, wanita ini akan dapat menyumbangkan bukan sahaja kepada daya pengeluaran negara, malah juga kepada agihan kekayaan yang lebih adil.

Sebarang pindaan kepada Undang-undang Buruh mesti bertujuan khususnya untuk meningkatkan kebajikan pekerja-pekerja sebagai dorongan kepada mereka untuk meningkatkan daya pengeluaran kedua-dua dari aspek kuantitatif dan kualitatif, dan bukan semata-mata bagi tujuan meningkatkan bilangan penduduk negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjamin faedah-faedah asas bagi pekerja-pekerja, memandangkan Kerajaan telah melaksanakan suatu sistem gaji dan upah yang menyeluruh bagi sektor awam, mengapakah paling kurang Kerajaan tidak menyatakan suatu kadar upah dan gaji yang minima bagi sektor swasta juga untuk

memberikan pekerja-pekerja sektor swasta perlindungan yang paling asas. Penentuan kadar upah minima akan meringankan beban inflasi yang melambung naik dan mendorong pekerja-pekerja mencapai takat daya pengeluaran yang lebih tinggi. Penentuan kadar upah minima akan juga menyumbangkan kepada pembasmian kemiskinan untuk menjamin keyakinan rakyat yang lebih dalam dasar ekonomi Kerajaan.

Adakah kita mampu menjangka pekerja-pekerja mempercayai usaha Kerajaan menolong rakyat miskin, apabila mereka sendiri berasa terbiar akibat kemiskinan? Kepada mereka penambahan penduduk hanya bermakna lebih mulut untuk disuapkan.

Fasal 37, perenggan 1 (a) Akta Kerja 1955 memperuntukan kelayakan cuti bersalin selama 60 hari bagi pekerja-pekerja wanita. Akan tetapi, di Sarawak, guru-guru wanita dan pegawai Jabatan Pelajaran hanya menikmati sehingga 42 hari cuti sahaja, termasuk cuti awam. Mengapakah mereka tidak menikmati faedah-faedah cuti yang sama dengan rakan-rakan mereka di Semenanjung? Sebabnya adalah bahawa Akta Kerja 1955 tidak diperluaskan ke Sarawak. Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja wanita yang telah saya nyatakan tadi bekerja dengan sebuah Jabatan Persekutuan, dan mempunyai hak menikmati faedah-faedah bersalin seperti juga rakan-rakan mereka di bahagian-bahagian lain negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa memberi jawapan beliau, saya meminta Menteri berkenaan menyatakan bila Kerajaan akan memperluaskan Akta Kerja 1955 kepada Sarawak dan Sabah supaya rakyat di sana dapat menikmati faedah-faedahnya bersama. Kedua-dua Menteri dan Timbalannya pernah melawat Sarawak dan Sabah telah mengumumkan bahawa Akta Kerja

1955 akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak tahun depan. Walau bagaimanapun, pengumuman ini telah disangkal oleh Kerajaan Negeri Sarawak apabila Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datu Alfred Jabu menyatakan bahawa perluasan Akta ini terpaksa ditangguhkan oleh kerana beberapa peruntukannya didapati tidak sesuai bagi negeri Sarawak dan Sabah.

Saya berharap bahawa Kerajaan Barisan Nasional di tahap-tahap Persekutuan dan Negeri tidak akan bertentangan di antara satu sama lain dan mengelirukan rakyat. Rakyat negeri Sarawak inginkan Akta Kerja 1955 diperluaskan ke negeri Sarawak. Mereka mempunyai hak menerima penjelasan yang tidak terbatas daripada Kerajaan, sama ada undang-undang ini akan diperluaskan pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, perluasan ini telah pun ditangguh selama beberapa tahun. Undang-undang Buruh yang kini dikuatkuasakan di Sarawak adalah Ordinan Buruh 1957, yang diwariskan semenjak zaman penjajahan. Ianya telah digubah dan disahkan oleh Kerajaan penjajahan untuk mengeksploit pekerja-pekerja.

Semasa sesuatu perselisihan industri, pihak majikan mempunyai segala keuntungan. Saya berpendapat bahawa langsung tiada keperluan bagi mengekalkan sisa-sisa sedemikian daripada masa lampau penjajahan. Ianya mesti disingkirkan sebagai ciri-ciri penjabdian penjajah.

Di bawah Ordinan Buruh 1957 yang dikuatkuasakan di Sarawak, Jabatan Buruh tidak memainkan sebarang peranan pun untuk melindungi kepentingan pekerja-pekerja selain daripada peranan sebagai pendamai antara kedua-dua belah. Misalnya, jika majikan terlambat dalam

bayarannya kepada pekerja-pekerja, langsung tiada peruntukan undang-undang di bawah Undang-undang Buruh bagi Kerajaan mewajibkan bayaran gaji dan upah yang wajar kepada pekerja-pekerja. Peranan sebagai plaintif aktif adalah terpulang kepada inisiatif dan keupayaan kewangan pekerja-pekerja sendiri yang terhad. Kerajaan tidak berupaya membantu pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, juga Undang-undang Buruh kini tidak memperuntukkan faedah-faedah seperti cuti tahunan, cuti sakit dengan gaji dan faedah-faedah tambahan lain yang merupakan faedah-faedah yang lazimnya dinikmati oleh pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia seperti pencen. Malah berhubung dengan gaji bayaran lebih masa pekerja-pekerja di Sarawak dan Sabah menikmati kadar bayaran yang lebih rendah daripada rakan-rakan mereka di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, masanya telah tiba untuk memberikan perhatian kepada keadaan-keadaan kerja di Sarawak dan Sabah supaya memupuk perpaduan nasional. Masih terdapat kelemahan-kelemahan di dalam Akta Kerja (Pindaan) 1955; walau bagaimanapun ia adalah jauh lebih baik daripada Undang-undang Buruh yang kini wujud di Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

*6.11 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyampaikan pandangan-pandangan mereka terhadap Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1955 dan saya juga mengambil kesempatan ini

menyampaikan hujah-hujah saya sebagai salah seorang Wakil Rakyat yang mewakili satu kawasan bandar.

Tidak dapat dinafikan bahawa Rang Undang-undang (Pindaan) ini menimbulkan implikasi yang sangat luas dan saya berpendapat bahawa hujah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat dari Seremban adalah satu yang sangat mustahak dan penting dan patut dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan sedalam-dalamnya.

Maksud saya ialah saya suka merujuk kepada Rang Undang-undang (Pindaan) ini yang tidak dapat dinafikan bahawa adalah berpunca dari keputusan Kerajaan untuk menambah bilangan penduduk di negara kita sehingga 70 juta.

Saya suka melafazkan harapan saya bahawa pandangan yang disampaikan oleh Wakil dari Seremban jangan disalah fahamkan ataupun jangan diputar-belitkan oleh kerana bukanlah menjadi tujuan parti DAP untuk menentang sesuatu yang baik untuk kaum wanita di negara kita, akan tetapi pandangan yang dilafazkan oleh beliau dan juga disokong oleh saya ialah berdasarkan kepada satu hakikat iaitu sama ada wajar di peringkat ini bagi kita untuk membincang tentang masalah sama ada perlu atau tidak untuk menambah bilangan penduduk di negara kita ke peringkat ataupun ke tahap 70 juta ini.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyatakan di sini bahawa Kerajaan hendaklah memikirkan semula sama ada ianya praktikal dan sesuai bagi sebuah negara seperti negara kita mempunyai penduduk sebanyak itu. Dasar penduduk 70 juta sepertimana yang telah disuarakan oleh Wakil dari Seremban boleh membahayakan jika tidak dibantu dengan kemudahan-kemudahan seperti menambah peluang-peluang

perumahan, menambah peluang-peluang berpelajaran, menambah peluang-peluang pekerjaan dan lain-lain kemudahan sosial.

Kerajaan pada masa ini rasa saya dan juga rakan-rakan saya di sini tidak berupaya menyelesaikan berbagai-bagai masalah berkenaan dengan pelajaran, sosial dan lain-lain meskipun kita baharu sahaja mempunyai 14 juta orang penduduk di negara kita.

Menambah elaun bersalin untuk pekerja wanita, kalau kita hendak bahas dari prinsipnya tentulah ada satu perkara yang baik. Tetapi dalam masa yang sama pula adalah penting bagi keluarga-keluarga mengetahui jika mereka mempunyai ramai anak-anak adakah nanti terdapat cukup peluang-peluang pelajaran, sosial dan pekerjaan untuk mereka. Dan salah seorang Wakil Rakyat yang mewakili kawasan bandar, saya ada peluang untuk berbincang perkara ini dengan ramai penduduk-penduduk di kawasan saya dan kesimpulan yang saya dapat ialah bahawa kebanyakan mereka nampaknya tidak begitu bersetuju dengan keputusan Kerajaan untuk menambah bilangan penduduk di negara kita ke tahap 70 juta ini.

Pada masa ini ramai pasangan tidak ingin mempunyai anak lebih dari satu atau dua orang anak bukan kerana mereka tidak dapat menuntut elaun bersalin hingga ke anak ke-5 tetapi oleh kerana kesukaran untuk mendapatkan tempat belajar untuk anak-anak mereka sampai ke peringkat universiti atau sukar mendapatkan kerja memandangkan telah timbulnya satu masalah pengangguran atau mendapatkan tempat-tempat kediaman. Ini ialah satu hakikat yang tidak dapat dinafikan yang sedang muncul di sebuah kawasan bandar seperti bandar Kuala Lumpur yang diwakili oleh saya.

Jika Kerajaan boleh menyediakan lebih banyak tempat belajar, lebih banyak darjah-darjah di sekolah-sekolah, boleh membekalkan lebih banyak institusi-institusi pelajaran tinggi, lebih banyak rumah-rumah untuk kediaman untuk mereka yang tidak berumah dan memastikan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan disediakan, maka pasangan itu barangkali boleh digalakkan mempunyai anak yang ramai.

Memandangkan kepada hujah ini, saya suka menggesa Kerajaan supaya menimbang sekali lagi tentang dasar penduduk 70 juta itu oleh kerana dengan mengkaji rekod-rekod yang lalu, rakyat di negara kita masih belum menyedari dengan keberkesanan, masih belum menyedari bahawa kita mampu menyediakan kemudahan-kemudahan yang perlu bagi menampung pertambahan penduduk.

Berbalik saya kepada Rang Undang-undang ini sepertimana yang tadi, sebagaimana saya telah menyuarakan bahawa apabila kita hendak bahas tentang memper-tahankan hak-hak wanita di negara kita, maka saya berpendapat bahawa hak-hak wanita tidak tamat di peringkat boleh menuntut hak, boleh menuntut elau bersalin hingga ke anak lima sahaja, bahkan ada banyak perkara-perkara yang lain, ada hak-hak kaum wanita yang hendak diperjuangkan, sepertimana yang telah disampaikan oleh wakil dari Bukit Bendera itu tadi.

Ada satu aspek yang saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk dibincangkan, ialah mengenai satu aspek yang saya berpendapat penting apabila kita hendak sentuh mengenai hak-hak wanita iaitu pekerja wanita di sektor awam ialah berkenaan dengan bilangan hari cuti. Sungguhpun saya mendapati bahawa dalam Rang Undang-undang ini ada menyebut bahawa selepas Rang Undang-undang ini diluluskan, maka pekerja wanita

dipihak awam dan juga pihak swasta berhak mendapat cuti bersalin hingga ke anak yang kelima, tetapi bilangan hari cuti adalah masih seperti sebelumnya iaitu sebanyak 42 hari termasuk hari Ahad dan kelepasan umum. Yang sebenarnya hujah ini tadi pun telah dibentangkan oleh wakil dari Tanjong Karang, cuti bersalin akan bermula dari tarikh pekerja wanita itu bersalin, jika jatuh sakit selepas selesai 42 hari, maka cuti sakit atau apa pun cuti yang berkaitan dengan sakit boleh diluluskan.

Suka saya menyatakan di sini bahawa saya kurang faham mengapa terdapat diskriminasi ataupun percanggahan antara sektor swasta dengan sektor awam mengenai bilangan hari cuti bersalin untuk pekerja-pekerja wanita tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di pihak sektor swasta tidak kurang daripada 60 hari tidak termasuk cuti umum yang boleh bermula sebulan sebelum bersalin, sementara pekerja wanita di sektor awam hanya berhak mendapat 42 hari sahaja, termasuk cuti umum dan cuti itu telah bermula sejak hari bersalin.

Saya berpendapat bahawa bentuk diskriminasi seumpama ini hendaklah dihentikan dan saya suka mencadangkan di sini, bahawa hak cuti selama 42 hari untuk pekerja wanita di sektor awam hendaklah diselaraskan supaya serupa dengan hak cuti sekurang-kurangnya 60 hari yang sedang dinikmati oleh pekerja wanita di sektor swasta.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menyeru Kerajaan supaya menimbang untuk melanjutkan hak cuti bersalin yang ada sekarang dari 60 hari ke 75 hari untuk pekerja-pekerja wanita di kedua-dua sektor iaitu sektor awam dan juga sektor swasta, dengan tujuan untuk memberi mereka masa yang cukup untuk pulih seperti sediakala selepas bersalin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang, tetapi saya suka mengakhiri ucapan saya dengan membuat satu rayuan kepada pihak Kerajaan dengan hati yang ikhlas ialah bahawa adalah sangat mustahak bagi pihak Kerajaan untuk menimbang semula tentang dasar penambahan bilangan penduduk ke 70 juta memandangkan hujah-hujah yang telah disampaikan oleh saya dan rakan-rakan saya tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ipoh.

6.25 ptg.

**Tuan Peter Chin Gan Onn (Ipoh):** Tuan Yang di-Pertua, Akta ini yang bertujuan untuk meminda Akta Pekerjaan 1955 di samping memperluaskan liputannya kepada lebih banyak pekerja-pekerja bukan buruh kasar (non-manual employees), dengan izin, benar-benar mencerminkan dasar Kerajaan untuk memberi insentif-insentif supaya memansuhkan dasar perancang keluarga yang diamalkan sebelum ini.

Memandangkan trend-trend yang telah diwujudkan oleh dasar perancang keluarga, maka jumlah penduduk kita dijangka akan meningkat kepada 39 juta dalam tempoh lebih kurang 115 tahun, keadaan ini adalah berbeza dengan cadangan Kerajaan kita untuk menambahkan penduduk negara ini kepada 70 juta dalam masa 115 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta ini sebab saya yakin bahawa sebarang usaha untuk menambahkan faedah-faedah sosial oleh Kerajaan kita kepada orang ramai adalah satu langkah yang patut dibanggakan. Walau bagaimanapun, saya tidak sependapat dengan hasrat Kerajaan kita dalam menggunakan Akta ini sebagai satu bentuk insentif untuk menambahkan bilangan

penduduk negara ini. Saya menyuarakan pendapat ini dalam konteks kekurangan kemudahan yang kini dihadapi oleh seramai 14 juta penduduk negara ini. Antaranya adalah:

- (i) kekurangan dalam bidang perumahan yang telah dimanifestasikan dalam bentuk pertambahan rumah-rumah haram.
- (ii) kekurangan bilangan sekolah seperti apa yang berlaku di kebanyakan sekolah di kawasan bandar. Umpamanya, di kawasan saya iaitu Ipoh sebuah sekolah terpaksa mengadakan dua sesi persekolahan sehari.
- (iii) kekurangan dalam sistem pengangkutan awam khususnya dalam masa-masa yang paling sibuk.
- (iv) kemudahan-kemudahan sampingan seperti pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di tempat-tempat pekerjaan, golongan ibu di mana ibu-ibu ini diperlukan untuk memberi sumbangan mereka kepada kebajikan masyarakat dalam meningkatkan taraf produktiviti demi menjayakan dasar 70 juta orang penduduk.

Yang akhir, klinik-klinik ibu bersalin adalah tidak mencukupi sehingga mengakibatkan masa-masa lawatan prenatal ibu-ibu mengandung terpaksa dihadkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menggambarkan sama ada struktur-struktur kemudahan sosial dan ekonomi yang sedia wujud pada hari ini dapat menampung penduduk seramai 70 juta itu. Orang ramai terlebih dahulu mesti diyakinkan dengan kesediaan kemudahan-kemudahan yang mencukupi sebelum mengambil keputusan untuk melahirkan lebih banyak anak. Di sini

sikap psikologi dan tingkah laku, sikap kelakuan orang-orang kita perlu diubah dan Kerajaan kita perlu membuktikan kepada mereka bahawa dengan bilangan penduduk seramai 70 juta itu tidak akan menurunkan taraf hidup kita. Tidak ada sebarang pemberian insentif yang boleh mengatasi sikap orang ramai selagi pindaan Akta ini akan menguntungkan mereka yang berhasrat untuk mempunyai lebih banyak anak atas sebab-sebab peribadi. Maka dalam konteks inilah pindaan sedemikian patut diberi sokongan.

6.32 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, dengan Rang Undang-undang Akta Kerja (Pindaan) ini ia dimaksudkan untuk membolehkan seseorang pekerja wanita menuntut elau bersalin hingga anak yang kelima yang masih hidup. Sekiranya pihak wanita akan benar-benar mendapatkan manfaat daripada pindaan ini, maka pada tahap pembangunan negara sekarang ia tidak menimbulkan kontroversi, akan tetapi saya amat menyesalkan motif sebenar Kerajaan dalam pengenalan pindaan tersebut.

Rang Undang-undang tersebut menyatakan dengan jelas bahawa pindaan ini adalah sejajar dengan dasar penduduk semasa Kerajaan. Kenyataan ini menunjukkan bahawa Kerajaan telah memperkenalkan pindaan ini bukan untuk melindungi kepentingan wanita tetapi untuk mencapai matlamat 70 juta penduduk. Kononnya jika bukan kerana dasar tersebut, ia mungkin tidak terlintas pada akal Kerajaan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Kerja untuk wanita adalah perlu diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang terdiri dari 2½ perenggan ini kelihatan tidak akan mendatangkan apa-apa keburukan

kerana kita harus memberi cuti bersalin yang mencukupi kepada kaum pekerja wanita. Tetapi pada pendapat saya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mengetahui keadaan pekerjaan wanita dan betapa serius diskriminasi kerja terhadap wanita, terutamanya di sektor swasta. Walau apapun maksud Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ingin menyatakan secara kategori bahawa ini mungkin menjadi salah satu faktor utama yang menghasilkan diskriminasi kerja yang lebih buruk terhadap wanita.

Dengan peruntukan-peruntukan Akta Kerja yang sedia ada menambahkan kelayakan elau bersalin daripada 3 anak kepada 5 anak mungkin tidak bermanfaat untuk kaum wanita oleh kerana pihak majikan akan menganggap langkah ini sebagai merugikan firmannya. Peruntukan-peruntukan yang cukup harus dikaji dan diadakan untuk menjaga kepentingan kaum wanita supaya diskriminasi yang lebih buruk tidak terjadi dari pengenalan pindaan tersebut. Di samping cuti bersalin untuk pekerja wanita, Kerajaan seharusnya memperkenalkan, dengan izin, maternity leave—cuti bagi bapanya. Juga untuk memastikan bahawa kaum lelaki juga berkongsi tanggungjawab untuk menjaga anak-anak kecil dalam semua aspek. Tindakan ini juga akan bantu membanteras diskriminasi kerja terhadap pekerja wanita.

Jika kita melihat jumlah penganggur wanita yang berdaftar pada tahun-tahun yang lepas adalah jelas bahawa bilangan wanita yang menganggur telah kian bertambah dengan cepatnya. Pada tahun 1980 jumlah penganggur wanita yang berdaftar pada akhir tahun adalah 21,034 orang dan jumlah ini telah bertambah menjadi 23,634 pada akhir tempoh tahun 1981 dan 25,355 orang pada akhir tempoh tahun 1982. Pada akhir

bulan Jun tahun 1983 bilangan penganggur wanita yang berdaftar telah bertambah menjadi 31,397. Angka-angka ini tidak memberi gambaran jumlah penganggur wanita yang sebenar kerana mungkin jumlah penganggur wanita yang tidak berdaftar adalah jauh lebih ramai daripada jumlah yang berdaftar. Kerajaan seharusnya mengambil tindakan yang berkesan untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, diskriminasi kerja terhadap wanita adalah amat ketara di kedua-dua sektor awam dan sektor swasta. Di setengah-setengah firma swasta, salah satu faktor utama yang menentukan kejayaan pengambilan seorang pemohon gadis adalah sama ada beliau mempunyai kawan lelaki khas ataupun telah bertunang. Mereka yang telah mempunyai kawan lelaki khas, terutamanya mereka yang bertujuan berkahwin tidak lama lagi sering gagal mendapat pekerjaan yang dipohon cuma kerana faktor tersebut. Ini mungkin nampaknya lucu sekali tetapi ia benar-benar wujud dan soalan-soalan tersebut adalah dikemukakan dibanyak temuduga kerja. Terdapat beberapa kes di mana pekerja-pekerja wanita yang hamil dipanggil berhenti kerja cuma kerana mereka akan bersalin tidak lama lagi dan mengikut Akta Kerja, mereka ini berhak mendapat sekurang-kurangnya 2 bulan cuti bersalin dengan elaun bersalin.

Untuk melindungi kepentingan pekerja wanita, peruntukan haruslah diadakan untuk memastikan bahawa diskriminasi kerja tidak menjadi berleluasa. Oleh kerana Akta 1955 itu gagal menyediakan peruntukan untuk pekerja wanita, terutama pekerja wanita yang hamil, majikan kadangkala menamatkan perkhidmatan pekerja wanita yang

akan bersalin dengan alasan yang lain, misalnya dengan seksyen 14 yang menyatakan bahawa, dengan izin:

“An employer may, on the grounds of misconduct inconsistent with the fulfilment of the express or implied conditions of his service, after due inquiry, dismiss without notice the employee.”

Pada mana-mana masa apabila majikan mendapati bahawa bilangan pekerja adalah berlebihan, peruntukan yang tersebut di atas juga memberikan mereka kuasa untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja dengan tidak adil. Selain daripada itu, majikan juga kadangkala mengakhiri perkhidmatan seseorang pekerja dengan mempergunakan taktik menghantar pekerja tersebut ke tempat lain kerana majikan tahu hakikat bahawa kebanyakan orang tidak suka dihantar ke tempat pekerjaan yang lain, terutamanya ke negeri yang lain. Malahan pekerja itu dihantar tanpa elaun tambahan atau penambahan dalam gajinya. Taktik ini secara tidak langsung memaksa pekerja yang berkenaan mengemukakan surat untuk meletakkan jawatan secara sendiri. Dengan cara ini majikan juga tidak perlu membayar apa-apa ganti rugi. Kejadian-kejadian yang tersebut di atas sering berlaku di mana majikan mengetahui bahawa pekerja-pekerja yang berkenaan tidak di bawah perlindungan Kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, graduan-graduan wanita juga menghadapi masalah memperolehi kerja kerana diskriminasi terhadap wanita terutamanya di sektor swasta. Telah menjadi slogan di kalangan graduan bahawa Bumiputera kelas yang pertama, lelaki bukan Bumiputera kelas yang kedua dan bukan Bumiputera perempuan kelas yang ketiga. Sepatutnya Kerajaan yang merupakan majikan yang besar sekali dengan sektor perkhidmatan Kerajaan

sebagai sektor yang mewujudkan bilangan kerja yang amat besar sebagaimana yang ditunjukkan oleh hakikat di mana daripada jumlah pekerjaan sebanyak 427,900 yang diwujudkan pada tempoh tahun 1981 hingga tahun 1983 kira-kira 144,400 pekerjaan telah diwujudkan di sektor perkhidmatan Kerajaan. Kerajaan harus menunjukkan Kepimpinan Melalui Teladan.

Sebenarnya, diskriminasi terhadap wanita dalam peluang naik pangkat di Jabatan-jabatan Kerajaan adalah amat buruk. Di sektor swasta pekerja wanita yang dapat membuktikan keupayaan mempunyai peluang naik baik untuk naik pangkat. Di sektor swasta terdapat ramai pengarah dan pengurus yang terdiri daripada kaum wanita. Di semua Jabatan-jabatan Kerajaan tidak terdapat seorang pengarah atau setiausaha agung yang merupakan wanita.

Berkait dengan keadaan kerja bagi kaum wanita di Jabatan-jabatan Kerajaan, Kerajaan seharusnya mengumumkan sama ada majoriti daripada pekerja wanita adalah terdiri daripada setiausaha atau kerani sahaja. Di samping itu dari jumlah Ahli Kabinet kita boleh lihat berapakah wanita yang memegang jawatan Menteri atau Timbalan Menteri. Kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk memperbaiki masalah diskriminasi kerja terhadap wanita dengan menghapuskan perasaan-perasaan prasangka tersebut di semua Jabatan Kerajaan dahulu sebagai Kepimpinan Melalui Teladan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan patut mengkaji aspek-aspek Akta Kerja yang lain yang harus diperbaiki demi kepentingan pekerja wanita. Usaha meminda bahagian berkaitan dengan bersalin sahaja adalah tidak mencukupi. Ia juga menunjukkan bahawa Kerajaan cuma memperlakukan kaum wanita sebagai

mesin, mesin untuk melahirkan seberapa banyak bayi yang boleh untuk mencapai matlamat 70 juta penduduknya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan diskriminasi kerja terhadap pekerja wanita yang begitu buruk, saya menyeru Kerajaan supaya mengadakan satu suruhanjaya, satu suruhanjaya untuk mengkaji keadaan kerja untuk wanita di negara ini di kedua-dua sektor awam dan swasta termasuk yang pertama, bilangan wanita negara ini yang bekerja mengikut pecahan umur, taraf pencapaian pelajaran, sektor pekerjaan, gaji, jawatan yang dipegang.

Yang kedua, bilangan wanita yang mengganggu mengikut pecahan umur, taraf pencapaian pelajaran, taraf perkahwinan dan jenis pekerjaan yang dicari. Yang ketiga, bilangan wanita yang telah ditamatkan perkhidmatan oleh majikan mengikut pecahan umur, taraf pencapaian pelajaran, taraf perkahwinan, jawatan yang dipegang, sebab diminta berhenti kerja dan apakah ganti rugi yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan tuntutan bersalin ini merupakan peruntukan undang-undang yang pertama ekoran dari dasar kependudukan 70 juta. Sepatutnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah menimbang semula akan kewibawaan menggubal dasar ini serta menerangkan kajian yang sebenar dan cara-cara untuk menambahkan bilangan penduduk dengan sengaja kerana dasar ini akan menimbulkan implikasi-implikasi dan consequence dalam jangka masa yang panjang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pihak Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.48 ptg.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1984. Saya dapati di sini sejumlah 12 Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian.

Saya tidak bercadang menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi akan menjawab secara am dengan menyentuh sedikit sebanyak beberapa perkara yang ditimbulkan. Di samping itu saya juga akan cuba menjawab beberapa perkara tertentu yang menarik minat orang ramai yang telah juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara-perkara lain yang saya tidak sentuh pasti akan diberi perhatian teliti oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya rasa bahawa apa yang kita bincang di sini sekarang ialah pindaan untuk Akta Kerja 1955 dan apa yang diliputi dalam pindaan ini cuma dua perkara sahaja iaitu sara tambahan untuk pekerja wanita, faedah bersalin dan juga meliputi Akta iaitu ditambahkan siling berikutan di Akta ini daripada \$750 hingga \$1,000.

Saya rasa di perbahasan ini kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya dari DAP mengambil peluang ini dibahaskan pula satu tajuk yang keluar dari apa yang patut dibincangkan. Apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat sentuhkan itu kebanyakannya adalah masalah dan dasar Kerajaan mengenai penduduk. Sebaliknya apa yang kita bincang di sini ialah cuma tambahan faedah untuk pekerja wanita pada masa bersalin itu ditambah dari tiga kali ke lima kali. Saya pun hairan juga

kenapa Yang Berhormat dari Seremban itu berasa kecewa di atas kenaikan faedah kepada pekerja wanita.

Beliau itu ada menyatakan menaikkan faedah kepada pekerja wanita dari tiga kali kepada lima kali adalah satu matlamat yang buruk kerana ini adalah memaksa pekerja-pekerja wanita itu bersalin lebih banyak kali lagi. Saya rasa ini bukanlah dasar Kerajaan yang sebenarnya, apa yang saya dapat tahu pun sehingga sekarang kebanyakan pekerja-pekerja wanita kita di mana-mana pekerjaan, biar pun ada insentif ini atau tidak ada insentif pun, sudah ada juga mempunyai lebih anak dari tiga orang, tetapi tidak juga mendapat apa-apa faedah dan pertambahan faedah ini adalah lebih baik kepada pekerja-pekerja wanita dan soalan insentif atau soalan menambahkan penduduk sampai 70 jutakah, itu sebenarnya bukanlah satu perkara yang berkaitan dengan secara langsung dinaikkan faedah di dalam pindaan ini.

Suka juga saya menjelaskan sedikit dinaikkan "ceiling" itu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dari \$750 sampai \$1,000, seperti saya katakan tadi itu adalah untuk membawa kembali gaji-gaji pekerja itu kepada tujuh, lapan tahun dahulu sudah naik mengikut kos kehidupan dan supaya mereka itu di dalam peringkat ini dari \$1,000 dan ke bawah boleh dapat perlindungan Akta Kerja.

Ada juga beberapa Ahli Yang Berhormat dari DAP juga mempersoalkan kenapa pula kami tidak meliputi semua peringkat, kenapa cuma sampai \$1,000. Saya rasa ini saya akan memberi sedikit penjelasan, Akta Kerja ini adalah maksudnya yang pertama adalah untuk perlindungan kepada pekerja-pekerja buruh kasar, bukan orang bersekolah atau graduan dari universiti maksudnya bukan itu, tetapi

dalam perkembangan masyarakat kami rasa jikalau cuma mengandungi buruh kasar tidak mencukupi, mereka juga hendak pekerja-pekerja kolar putih, "white collar" yang tidak bersekolah begitu tinggi dan tidak ada ilmu-ilmu yang cukup untuk mendapat syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik dari majikan-majikan mereka. Jadi, Akta Kerja ini memulakan melindungi pekerja yang bukan buruh-buruh kasar cuma \$400 ke bawah dan kemudian dinaikkan \$500 dan kemudian dinaikkan lagi sekali sampai \$750 sampai sekarang. Itulah tadi saya ada bercakap sejak tahun 1977 dan oleh kerana Akta Kerja ini bukanlah cuma untuk pekerja keseluruhan, tetapi adalah khasnya untuk buruh kasar yang mana pekerja-pekerja tidaklah mempunyai persekolahan yang tinggi. Jadi di sini kami rasa jikalau pekerja-pekerja itu bukan buruh kasar iaitu seperti Kerani dan lain-lain di pejabat-pejabat mereka itu sudah ada cukup pengalaman dan cukup kepandaianannya sendiri boleh meminta syarat-syarat yang lebih baik daripada ditentukan di dalam Akta Kerja ini.

Tidaklah perlu untuk Kerajaan atau Kementerian Buruh menentukan syarat-syaratnya kepada mereka itu. Dan oleh hal yang demikian, Akta Kerja ini adalah dihadkan kepada pekerja-pekerja bukan buruh kasar di bawah satu tahap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Ahli Yang Berhormat ada menyentuh juga berkenaan perkara buruh asing, di sebelah bahagian kami ada membawa sedikit buruh asing untuk bekerja di sini dan kami pula ada pengangguran yang begitu tinggi. Saya suka menjelaskan sedikit, ini diadakan oleh kerana kita menghadapi masalah pengangguran sampai lebih kurang

6% atau bilangannya lebih kurang 360,000 orang penganggur tetapi masalah pertama ialah penganggur kita tidaklah ada minat dan tidak ingin bekerja untuk mengisi kekosongan sekarang di negara ini, kebanyakannya seperti di ladang-ladang atau di tempat-tempat binaan. Penganggur kita yang ada sekarang semuanya mereka itu cuma ingin mencari kerja yang lebih senang yang boleh dapat duduk dalam bilik "air-conditioned room", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan tidaklah beminat bekerja di bawah jemuran matahari. Oleh kerana itu, kami terpaksa pula membawa buruh asing masuk ke negara kita untuk bekerja, tetapi inipun, seperti rakan saya dari Kementerian Dalam Negeri sudah menjelaskan, ini adalah mengikat syarat-syarat tertentu di atas perjanjian di antara negara kita dan negara-negara yang berkenaan, iaitu cuma buruh-buruh yang kami minta sahaja boleh dibawa masuk. Inipun ada juga satu Jawatankuasa tertentu dan mengikat juga prosedur imijerisan dan lain-lain supaya ditentukan kelakuan-kelakuan pekerja-pekerja itu bila dia mahu masuk adalah lebih baik dan tidaklah menjejaskan kepada keamanan negara kita. Dan kemasukan buruh asing ini tidak juga akan menjejaskan pekerjaan yang ada di negara kita.

Ada juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh berkenaan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingat masa telah cukup, Yang Berhormat boleh menyambung pada hari Isnin. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*